

**Bil. 23**

**Selasa  
29 Ogos 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Ruangan 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 19)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka	(Ruangan 20)
<b>USUL:</b>	
Penangguhan Mesyuarat	(Ruangan 61)
<b>UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
Isu Pemberian Saham Khas Bumi Kepada Individu dan Kriterianya - Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)	(Ruangan 61)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I, D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M., P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.C.D.K., J.M.N. (Silam).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO’ ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATO’ HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO’ DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO’ DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, DATO’ TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO’ ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K.. (Kulim—Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO’ HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- ” Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO’ K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasik Gelugor).
- ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO’ ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N., (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO (Bandar Tun Razak).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K, (Semporna).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- ” TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- ” TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- ” TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” DATO’ HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- ” DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- ” TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO’ NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- ” TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- ” TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- ” TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- ” DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- ” PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- ” TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- ” DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- ” TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- ” CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- ” TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- ” TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- ” DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- ” PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

Yang Berhormat TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (MERBOK).

- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).
- " TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN Ahmad (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- ” TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- ” DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI (Bandau).
- ” TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- ” TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- ” TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- ” TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ HAJI MOHD ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- ” TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- ” TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- ” TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- ” DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- ” DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- ” TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- ” TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- ” DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- ” TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- ” TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- ” DATO’ HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- ” TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- ” DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- ” TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- ” TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- ” PUAN ROHANI BINTI ABDUL KARIM (Santubong).
- ” TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- ” TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- ” DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- ” DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- ” PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- ” DATUK S’NG CHEE HUA (Julau).

Yang Berhormat DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).

- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- " DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- " TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- " TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- " TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- " DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- " DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- " DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- " TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- " TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- " TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- " DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- " TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- " TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- " DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop. P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

- Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.  
Hajah Supiah binti Dewak.  
Ismail bin Haji Hassan.  
Hajah Kalsom binti Ghazali.  
Mohamed bin Osman.  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.  
Zaharah binti Naim.  
Norwahidah binti Azizi.  
Rozita binti Abd. Samad.  
Jainah binti Sakimin.  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

### BENTARA MESYUARAT

- Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 29hb Ogos 1995

*Mesyuarat dimulakan pada  
pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua Tuan Haji  
Juhar bin Haji Mahiruddin  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**CUKAI PENDAPATAN—  
PERTIMBANGAN POTONGAN  
KEPADA JEMAAH HAJI**

**1. Tuan Haji Ahmad Rahin bin Mohd. Said** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan bercadang supaya perbelanjaan sebenar mengerjakan Fardu Haji di Mekah dapat dipertimbangkan untuk ditolak dari pendapatan yang dikenakan ke atas cukai pendapatan tahunan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk menimbangkan potongan cukai pendapatan ke atas perbelanjaan mengerjakan Fardu Haji di Mekah kerana langkah tersebut pada amnya tidak akan dapat dimanfaati oleh semua golongan, terutama

golongan berpendapatan rendah. Ini adalah kerana mereka tidak dikenakan apa-apa cukai pendapatan disebabkan pelepasan-pelepasan cukai yang boleh dinikmati.

**PERUMAHAN DIBINA  
DI ATAS TANAH BUKIT/  
KAWASAN TADAHAN  
AIR—KAJIAN**

**2. Tuan Chia Kwang Chye** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengenai 'trend' dalam negara di mana berlakunya banyak aktiviti pembangunan di atas tanah bukit dan di dalam kawasan tadahan air (water catchment areas). Aktiviti-aktiviti ini termasuk pertanian, pembalakan kawasan hutan dan pembangunan hotel, padang golf dan resort percutian. Pada masa sekarang, garis panduan bagi pembangunan di atas tanah bukit dan di dalam kawasan tadahan air adalah berbeza dari negeri ke negeri:

- (a) apakah dasar kerajaan mengenai pembangunan di atas tanah bukit dan di dalam kawasan tadahan air. Adakah kerajaan berniat untuk mewartakan semua kawasan tadahan air;
- (b) adakah semua kawasan tadahan air di dalam negara telah dikenal pasti; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan kawasan tadahan air yang telah dimusnahkan atau tersusut akibat aktiviti pembangunan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Mengenai pembangunan di atas tanah bukit, pada dasarnya kerajaan mengambil sikap berhati-hati dalam meluluskan pembangunan supaya tidak bercanggah dengan perundangan dan dasar-dasar yang sedia ada. Berdasarkan Draf Strategi Pemuliharaan Negara (National Conservation Strategy—Towards Sustainable Development), kawasan curam dan kawasan tadahan air telah dikategorikan sebagai 'critical areas' yang didefinisikan sebagai "kawasan yang memerlukan pertimbangan khas" dalam pembangunannya. Dalam hubungan ini, kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah termasuk mencadangkan pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), antara lain, untuk memastikan pemuliharaan keadaan asal topografi tanah, pemuliharaan dan penanaman pokok dan menyediakan Laporan Cadangan Pemajuan (LPC) oleh pemaju bagi kawasan yang hendak dibangunkan.

Berdasarkan Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Padang Golf yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri ada menyatakan, antara lain, kawasan tadahan air dan kawasan berbukit dan curam adalah tidak sesuai untuk pembinaan padang golf.

Mengenai garis panduan bagi pembangunan di atas tanah

berbukit dan di dalam kawasan tadahan air yang berbeza dari negeri ke negeri, Kerajaan Pusat menyediakan dasar atau asas sebagai panduan kepada Kerajaan Negeri untuk memperincikannya supaya berseesuaian dengan keadaan setempat. Sehingga kini negeri Selangor, Pulau Pinang dan Pahang telah mempunyai garis panduan terperinci bagi pembangunan di atas kawasan berbukit masing-masing, manakala negeri-negeri lain menggunakan pakai "Garis Panduan Mengenai Pembinaan Bangunan Tinggi di Kawasan Berbukit" dan "Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Padang Golf" yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

- (b) Kajian dan siasatan tentang semua kawasan tadahan air di dalam negara sedang dijalankan dan dikenalpastikan oleh agensi yang berkenaan seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Sarawak, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak. Peng wartaan kawasan tersebut tertakluk kepada pertimbangan dan persetujuan kerajaan negeri masing-masing, memandangkan perlindungan dan penjagaan kawasan tadahan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kawasan tadahan air yang telah dimusnahkan atau tersusut

dipulihkan, langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) memastikan pihak pemaju mengambil langkah-langkah wajar untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengawalan pencemaran terutamanya kawalan ke atas hakisan kelodakan;
- (ii) mengarahkan pihak pemaju mengambil langkah-langkah membaik pulih sungai-sungai yang tercemar akibat daripada pelaksanaan projek-projek yang berkenaan;
- (iii) mengawal pencemaran dengan menetapkan standard pelepasan yang ketat bagi effluen-effluen perindustrian dalam kawasan tadahan air bagi maksud-maksud kegunaan manusia termasuk air minuman;
- (iv) membenarkan konsep pembangunan yang terkawal dalam kawasan tadahan; dan
- (v) meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang kepentingan alam sekitar dan sumber-sumber air di semua peringkat.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari segi kualitatifnya kawasan curam adalah kawasan yang kritikal untuk perumahan. Soalannya, dari segi kuantitatifnya apakah kecuraman bukit ataupun kecuraman tanah yang didapati tidak sesuai, kritikal dan bahaya untuk perumahan?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, antara banyak dasar atau cadangan yang ditetapkan dalam kandungan draf National Conservation Strategy ialah untuk mematuhi kehendak-kehendak dalam Land Conservation Act, dengan izin. Land Conservation Act ini menentukan, kalau sesuatu kawasan itu berbukit perlu dimajukan, pihak pemaju perlu meminta Pihak Berkuasa Tempatan atau pihak Kerajaan Negeri supaya kawasan itu boleh diluluskan. Kehendak itu menentukan kalau slope tanah itu lebih daripada 20 darjah (degree), maka kawasan-kawasan tersebut tidak boleh dibangunkan oleh sesiapa sahaja.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri tadi dia memberitahu bahawa langkah-langkah tertentu ada dibuat untuk mengawasi tadahan pengairan dan lain-lain. Setakat manakah tindakan diambil ke atas mereka yang melanggar langkah-langkah tersebut?

Soalan kedua, apakah unsur-unsur yang mempengaruhi kelulusan sesuatu projek itu kerana apabila projek itu diluluskan kita dapati bahawa projek itu tidak sesuai tentang kawalan air di kaki bukit?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan di sini, pihak berkuasa untuk mengawal situasi Pembangunan di kawasan berbukit iaitu pihak Kerajaan Negeri kerana pihak Kerajaan Negeri yang meluluskan sesuatu projek tentang pembangunan tanah tersebut. Oleh sebab itu, maka penguatkuasaan tentang sesuatu projek atau sesuatu pemaju yang melanggar syarat-syarat adalah di bawah bidang kuasa negeri, iaitu pihak yang meluluskan projek itu

dan bukan kuasa Jabatan Perumahan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sekiranya projek itu telah melanggar syarat-syarat khasnya kalau syarat yang berkenaan adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar melalui laporan EIA, maka projek itu akan dihentikan dan kelulusan itu boleh ditarik balik oleh pihak berkuasa yang meluluskan projek tersebut.

### HUTAN SIMPAN KEKAL— KELUASAN

**3. Tuan Md. Isa bin Sabu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan keluasan hutan simpan yang didapati di negara ini mengikut negeri-negeri. Berapa banyak lesen pembalakan yang telah dikeluarkan; dan berapa banyak hasil yang telah diperolehi kerajaan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Cik Siti Zainab @ Zainabon binti Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah keluasan kawasan hutan simpan kekal bagi Semenanjung Malaysia sehingga 31hb Disember 1994 adalah 4,687,463 hektar. Pecahan keluasan kawasan hutan simpan kekal mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Hektar</i>
Johor	323,784
Kedah	342,717
Kelantan	626,372
Melaka	7,309
Negeri Sembilan	169,202
Pahang	1,394,991
Perak	966,561
Perlis	11,168
Pulau Pinang	6,406
Selangor	248,670
Terengganu	560,222
Wilayah Persekutuan	61,000

Jumlah lesen pembalakan yang telah dikeluarkan pada tahun 1994 oleh Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 1,323 lesen. Kutipan hasil yang telah diperolehi oleh kerajaan dalam bentuk premium, royalti kayu balak dan syers dalam tahun 1994 berjumlah RM357.7 juta.

Jumlah keluasan kawasan hutan simpan kekal bagi Sabah adalah 3.35 juta hektar. Jumlah lesen pembalakan yang dikeluarkan oleh Sabah setakat 1994 ialah sebanyak 153 lesen manakala hasil yang diperolehi bagi negeri Sabah untuk tahun 1994 ialah RM687,000 iaitu kutipan daripada royalti balak, yuran, pelesenan dan pentadbiran.

Di Sarawak jumlah keluasan kawasan hutan simpan kekal yang telah diwartakan ialah 4.5 juta hektar dan yang dalam proses pemewartaan ialah 1.5 juta hektar. Jumlah hasil yang diperolehi di Sarawak untuk tahun 1994 ialah RM787 juta.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah pencurian balak boleh menjejaskan hutan simpan negara? Bolehkah diberi jumlah kawasan yang menjadi mangsa secara lebih kurangnya.

Kedua, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan tersebut dan sejauh manakah keberkesanannya?

**Cik Siti Zainab @ Zainabon binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama saya tidak ada angkanya. Saya minta notis.

Kedua, setakat ini 41 kes telah didapati berkenaan dengan pencurian/pembalakan haram dan 1 kes telah

dikenakan tindakan mahkamah di mana pesalah-pesalah seramai 4 orang telah dimasukkan ke dalam penjara.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana menjaga hutan simpanan ini. Seperti yang dikatakan tadi, terdapat juga pencurian kayu-kayu balak ini. Saya ingin bertanya apakah langkah kerajaan untuk mengawal supaya tidak berlakunya pencurian kayu-kayu balak ini?

Kedua, saya difahamkan juga bahawa ada penglibatan Angkatan Tentera Malaysia untuk meronda. Setakat ini apakah kesan dan bagaimanakah kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap rondaan ini?

**Cik Siti Zainab @ Zainabon binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah pencegahan yang telah diambil bagi mengatasi masalah pembalakan haram termasuk melaksanakan rondaan dan pengawalan bersama di antara Jabatan Perhutanan, Angkatan Tentera Malaysia dan Polis DiRaja Malaysia. Setakat ini adalah berkesan.

Kedua, menyediakan sistem hadiah untuk menggalakkan orang awam dan Pegawai-Pegawai Perhutanan memberi maklumat dan membantu usaha membanteras pembalakan haram.

Ketiga, menggunakan pesawat udara seperti helikopter untuk mengawal operasi pembalakan dan mengesan pembalakan haram.

Keempat, menyediakan sistem pembalakan yang lebih teratur melalui catuan tebaran tahunan (CTT) yang telah dikurangkan daripada 71,000 hektar setahaun untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima kepada

52,250 hektar untuk Rancangan Malaysia Keenam. Juga menghadkan atau menetapkan pengeluaran kayu balak dari sesuatu kawasan dan memperluaskan penanda kayu, dengan izin, timber tagging, untuk memperkemaskan lagi pengawalan ke atas pemindahan dan pergerakan kayu balak. Juga menubuhkan satu pasukan penguatkuasa di peringkat ibu pejabat Perhutanan, Semenanjung Malaysia untuk menjalankan siasatan, pencegahan dan perisikan secara lebih berdikari berbanding dengan pegawai di peringkat negeri.

#### FEEDER BUSES KE STESEN LRT

**4. Dr. G. Leelavathi** minta Menteri Pengangkutan menyatakan untuk mempertingkatkan penggunaan LRT oleh semua lapisan masyarakat, adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan 'feeder buses' dari stesen LRT ke perhentian-perhentian bas utama dan dari kawasan luar bandar ke stesen LRT. Jika penduduk terpaksa mengambil dua atau tiga bas untuk sampai ke stesen LRT yang berhampiran, sudah pasti ini akan mengurangkan penggunaan perkhidmatan LRT oleh para penduduk.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang mempunyai rancangan supaya perkhidmatan bas sokongan atau 'feeder buses' diadakan dari stesen-stesen LRT ke kawasan-kawasan perumahan dan tempat kerja dan sebaliknya. Syarikat-syarikat yang mengendalikan LRT sedang dalam perbincangan dengan syarikat-syarikat bas untuk menyediakan perkhidmatan

ini. Di Kuala Lumpur, syarikat-syarikat bas sebanyak 8 buah telah pun mewujudkan dua buah konsortium, manakala syarikat-syarikat bas ekspres di Kuala Lumpur diberi tempoh sehingga akhir tahun 1995 untuk mewujudkan konsortium ekspres. Saya suka juga memaklumkan bahawa terdapat 7 tempat parking kereta apabila sistem LRT ini beroperasi. Antaranya ialah di Jalan Ampang, Jalan Sultan Ismail, Sentul Timur, Jalan Loke Yew, Kompleks Sukan Bukit Jalil, Lembah Subang dan Gombak.

**KEMPEN 'CINTAILAH SUNGAI  
KITA'—KAWALAN  
KEBERSIHAN OLEH JPS**

**5. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa kempen menyayangi sungai kita semakin mendapat perhatian sekurang-kurangnya terdapat papan-papan tanda berhubung soal ini. Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan badan selain daripada JPS yang dapat mengawal aktiviti secara lebih teratur, di mana ianya nanti dapat menjaga, mengawal dan mengawasi kebersihan sungai-sungai berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Datuk Abu Bakar bin Taib):** Tuan Yang di-Pertua, kempen 'Cintailah Sungai Kita' yang telah dimulakan pada tahun 1993 telah dapat meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan sungai dan perlunya ia dipelihara dengan sempurna. Sehubungan dengan ini, kerajaan setakat ini tidak ada cadangan untuk menubuhkan badan selain daripada Jabatan Pengairan dan Saliran bagi mengawal dan mengawasi kebersihan sungai memandangkan

tugas-tugas berkenaan adalah sebahagian daripada fungsi Jabatan tersebut.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk meminta pihak-pihak swasta atau badan-badan korporat terlibat dalam usaha ini. Misalnya, menjadikan sungai-sungai yang banyak terdapat di negara ini sebagai 'sungai angkat' mereka?

**Datuk Abu Bakar bin Taib:** Memanglah perkara ini sedang dilakukan sekarang ini. Ada juga kawasan-kawasan yang telah dianak-angkatkan oleh pihak swasta.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha untuk meningkatkan kebersihan dan keindahan sungai yang terdapat di negara kita ini, saya minta Setiausaha Parlimen beri keterangan sama ada Kementerian Yang Berhormat akan masukkan satu syarat supaya bangunan-bangunan yang akan didiri di sebelah sungai itu berhadapan dengan sungai, bukan membelakangkan sungai-sungai, kerana itu saya rasa ini akan memaksa mereka untuk menjaga kebersihan sungai.

**Datuk Abu Bakar bin Taib:** Tuan Yang di-Pertua, keputusannya adalah tertanggung kepada pihak berkuasa tempatan yang akan meneruskan bangunan. Memanglah pihak JPS ada menganggotai, bahkan daripada badan berkanun sesetengah kawasan telah minta, mereka yang hendak buat bangunan baru ataupun bangunan rumah di sesuatu tempat hendaklah menghadap rumah ke sungai. Memang telah dilakukan sebahagiannya, mengikut recommendation kita.

**BOSNIA-HERZEGOVINA—  
PENDIRIAN MALAYSIA**

**6. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian sebenar Malaysia terhadap perbezaan pendekatan oleh PBB, NATO OIC dan kelima-lima kuasa besar dunia bagi mengatasi konflik di negara Balkan, terutamanya di Bosnia;
- (b) adakah Malaysia benar-benar serius untuk menyalurkan bekalan senjata kepada Kerajaan Bosnia. Adakah ini akan menjejaskan perhubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara Barat;
- (c) adakah Malaysia dan OIC akan bergabung tenaga untuk berkempen di PBB bagi mendapatkan lebih banyak sokongan untuk mendesak PBB menarik balik sekatan senjata terhadap Bosnia; dan
- (d) apakah implikasi terhadap Malaysia ekoran keputusan untuk memulaukan perayaan ulang tahun ke -50 PBB.

**Menteri Luar Negeri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia berpendapat bahawa PBB, NATO dan negara-negara Barat harus mengambil tindakan yang lebih tegas dan berkesan terhadap pihak pengganas Serb sekiranya mereka ingin politik di negara berkenaan diselesaikan. Ini telah kita sarankan berulang kali melalui berbagai-bagai forum antarabangsa. Selain daripada

itu, kita juga telah menggesa negara-negara ini menarik balik sekatan senjata terhadap Bosnia-Herzegovina dan telah berusaha untuk mendapat sokongan supaya usaha penarikan balik senjata itu dapat diluluskan. Malaysia juga sebenarnya berasa hampa dengan tindak-tanduk PBB dan NATO yang jelas menunjukkan kegagalan mereka untuk menyelesaikan masalah di Bosnia-Herzegovina itu.

- (b) Memang menjadi pendirian kita yang tegas bahawa Bosnia perlu diberi juga segala bantuan untuk mempertahankan kedaulatannya. Tindakan dan pendirian kita yang jelas ini telah kita buktikan dalam persidangan di Geneva baru-baru ini, di mana kita telah berusaha bersama dengan negara-negara OIC yang lain untuk mendapat sokongan dan tindakan bersama supaya sekatan senjata itu tidak diiktiraf oleh negara-negara OIC. Di samping itu pula, kita menyusuli dengan tindakan yang kita ambil dalam persidangan negara-negara ASEAN baru-baru ini di Brunei Darussalam untuk juga mendapat sokongan. Kita menganggap sokongan itu sebagai satu seruan yang baik kerana negara ASEAN juga berpendapat iaitu Bosnia-Herzegovina patut diiktiraf sebagai mempunyai hak untuk mempertahankan kedaulatannya, di samping memanggil, meminta bantuan senjata dari

negara-negara lain. Tindakan kita dalam hal ini pada waktu ini tidak mengakibatkan sebarang tindakan balas dari mana-mana pihak.

- (c) Berhubung dengan adakah Malaysia dan OIC akan bergabung, ya, memang Malaysia dan OIC bergabung tenaga dalam hal ini, sebagaimana yang saya katakan baru-baru ini. Di samping itu, kita juga menggunakan forum-forum yang lain di mana ada anggota-anggota yang bukan OIC di dalamnya seperti ASEAN yang saya sebutkan dan juga dalam lingkungan negara-negara NAM, negara-negara berkecuali.
- (d) Berkaitan dengan perayaan ulang tahun, untuk makluman Yang Berhormat, kita tidaklah memulaukan perayaan itu, tetapi kita mengadakan perjumpaan-perjumpaan sekadar untuk memperingati ulang tahun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang sederhana. Ini adalah sekadar memberi pengiktirafan yang sepatutnya kepada beberapa pencapaian badan dunia itu, umpamanya dalam mendapatnya kemerdekaan bagi negara-negara yang di bawah penjajahan, dengan izin, decolonization, usaha-usaha pembangunan ekonomi negara membangun, pembangunan sosial dan kemanusiaan secara keseluruhannya.

**Tuan Akhbarkan bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi

tahniah kepada pendirian tegas kerajaan dan insentif yang diambil berhubung dengan krisis di Bosnia, terutama dalam menganjurkan persidangan khas mengenai Bosnia antara kumpulan perhubung contact group OIC di Kuala Lumpur pada bulan September nanti. Bagaimana pun memandangkan OIC selama ini tidak dilihat satu pressure group yang berkesan di peringkat antarabangsa, malah dipersendakan dengan kata-kata anjakan OIC, bagaimanakah Malaysia mahu memastikan apa juga keputusan OIC dalam isu ini benar-benar berkesan ke arah menamatkan konflik di Balkan? Contohnya, keputusan contact group di Geneva mengisytiharkan tidak mengiktirafkan sekatan senjata ke atas Bosnia oleh PBB, tetapi Amerika Syarikat tetap menggunakan kuasa vetonya untuk mempertahankan sekatan itu. Oleh itu, apakah bentuk formula perdamaian yang dijangkakan akan dihasilkan pada mesyuarat khas di Kuala Lumpur kelak.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, OIC sekarang ini memang telah pun diiktiraf sebagai satu kumpulan 'pressure group' yang paling lantang dan yang paling aktif dalam menangani isu Bosnia-Herzegovina. Tidak ada satu pertubuhan antarabangsa yang seaktif seperti OIC dalam menggerakkan lobi-lobi sama ada di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun dalam forum-forum yang lain. Tindakan yang telah diambil oleh OIC di Geneva itu memang dianggap sebagai sesuatu yang cukup tegas dan kita pula telah membuktikan ketegasan kita itu dengan mengadakan satu mesyuarat 'follow-up' yang telah dirancang di Kuala Lumpur.

Saya tidak dapat hendak memberi satu gambaran tentang apakah formula yang dapat dimuafakatkan bersama kerana mesyuarat itu belum lagi diadakan

*(Bunyi kapal terbang berlegar di ruang angkasa Bangunan Parlimen)*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, bunyi bising kapal terbang macam helikopter berlegar di Gua Musang.

**Beberapa Ahli: (Menyampuk)**

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Kapal terbang dengan helikopter berlainan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, apakah benar ada ura-ura iaitu pihak Serbia dan pihak Croatia hendak membahagikan negara Bosnia-Herzegovina iaitu sebahagiannya pergi ke Croatia dan sebahagian lagi akan diambil oleh Serbia. Setakat manakah benar rancangan itu?

Yang kedua, apakah negara-negara OIC termasuk Malaysia hendak menukarkan status pasukan pengaman negara OIC daripada pasukan pengaman kepada pasukan gempur? Adakah ada cadangan iaitu tentera OIC daripada pasukan pengaman untuk dijadikan tentera gempur di Bosnia-Herzegovina?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama itu, itu ura-ura semata-mata, pada waktu ini kita tahu adanya satu muafakat dan kerjasama yang baik di antara Croatia dengan Bosnia-Herzegovina.

Yang keduanya, tentera OIC yang sekarang ini berada di Bosnia-Herzegovina adalah berkhidmat di

bawah naungan UNPROFOR dan dengan itu tentulah terhad dengan peraturan-peraturan yang telah dikenakan oleh UNPROFOR itu, Soal tindakan OIC yang akan diambil mungkin keasingan itu, ini bergantung kepada apakah hasil mesyuarat yang akan diadakan nanti.

#### **KOPERASI BERMASALAH— PERANAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN PULIH KOPERASI (PEKA)**

**7. Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan berapa buah koperasi yang bermasalah telah dapat diselamat dan dipulih sehingga hari ini oleh Bahagian Perkhidmatan Pulih Koperasi (PEKA) memandangkan koperasi ini bermasalah dari segi pentadbiran, perakaunan dan tatacara perkhidmatan. Apakah pengawasan khusus yang dijalankan bagi menyelamatkan perniagaan koperasi-koperasi ini.

**Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan Pulih Koperasi (PEKA) merupakan satu perkhidmatan yang diberikan oleh Angkasa kepada ahli-ahlinya.

Di bawah program PEKA ini, koperasi-koperasi telah diberi bimbingan, mengemaskinikan akaun sehingga boleh menyediakan akaun-akaun akhir dan penyata kewangan, bimbingan dalam selok-belok pengurusan dan nasihat bagaimana memperkukuhkan aktiviti. PEKA juga memberi kursus kepada ahli dalam bidang kefahaman dan tanggungjawab

sebagai ahli koperasi. Masalah-masalah yang dikesan melalui program PEKA ini telah dibawa dalam mesyuarat tindakan di Angkasa untuk membincangkan tindakan-tindakan susulan ke atas koperasi-koperasi di bawah program berkenaan.

Kementerian dimaklumkan juga bahawa dari 18 buah koperasi bermasalah yang telah dikesan oleh Angkasa secara berperingkat sejak tahun 1993 untuk dipulihkan melalui program PEKA—8 buah koperasi telah dapat dipulihkan setakat ini. Kementerian akan terus mengesan perkhidmatan PEKA ini bagi mengukuhkan perkhidmatan tersebut dan memastikan Angkasa menjalankan program ini untuk kebaikan gerakan koperasi khususnya kepada koperasi-koperasi yang menjadi ahli kepada Angkasa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat Dr. Yee Moh Chai.

*(Soalan No. 8 - Y.B. Dr. Yee Moh Chai tidak hadir)*

#### MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA—JUMLAH KUTIPAN LEVI

**9. Tuan Vincent Lim Kuo Phau** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) setakat hari ini, apakah kutipan levi pembangunan sumber manusia yang telah di terima oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia dan berapakah jumlah majikan yang berdaftar;
- (b) semenjak MPSM ini telah dilancarkan, apakah pula skim latihan yang telah dan

akan diperkenalkan untuk membolehkan majikan menerima manfaat sepenuhnya dari MPSM ini;

- (c) sejauh manakah kesemua skim latihan dan bantuan MPSM telah berjaya mencapai sasaran dan matlamatnya; dan
- (d) daripada kesemua skim latihan dan bantuan yang ada, apakah jumlah pekerja, jenis kemahiran dan sektor manakah yang terlibat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari 1hb Januari, 1993 apabila Akta Pembangunan Sumber Manusia diperkenalkan sehingga akhir bulan Jun 1995, sejumlah RM178.28 juta telah dikutip daripada 4,327 majikan yang berdaftar dengan Majlis Pembangunan Sumber Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- (b) Semenjak skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dilancarkan pada tahun 1993, majikan diberi pilihan untuk memanfaatkan caruman mereka di dalam kumpulan wang tersebut melalui lima skim latihan. Skim-skim latihan tersebut adalah Skim Bantuan Latihan, Skim Program Latihan Yang Diluluskan, Skim Pelan Latihan Tahunan, Skim Perjanjian Latihan Dengan Penyedia Latihan dan Skim Bantuan Kewangan untuk Mengada, Mengubahsuai dan Pembelian Alat Bantuan Latihan. Untuk menerangkan

satu persatu skim-skim tersebut akan mengambil masa yang panjang, maka saya ingin mohon izin untuk menyampaikannya secara bertulis untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Bagi menggalakkan lagi majikan-majikan yang layak dan berdaftar dengan majlis supaya menggunakan caruman mereka di dalam kumpulan wang tersebut untuk melatih semula atau meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka, Kementerian Sumber Manusia sedang merancang skim-skim latihan baru untuk dilaksanakan secepat mungkin. Skim-skim tersebut adalah Skim Perantisan, Skim Latihan Berkelompok dan Skim Latihan Bersama. Apabila skim-skim baru itu dilaksanakan kelak, ianya juga akan menyumbangkan kepada usaha-usaha giat kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja-pekerja mahir dan terlatih.

Tuan Yang di-Pertua,

- (c)&(d) Majlis Pembangunan Sumber Manusia telah berjaya mencapai sasaran dan matlamatnya melalui skim-skim latihan yang diperkenalkan. Kejayaan ini diukur dari segi banyaknya pekerja yang telah dilatih semula dan dilengkapi dengan kemahiran yang lebih tinggi dengan menggunakan kumpulan wang berkenaan. Sehingga 30hb Jun 1995, sebanyak 472,707 orang iaitu hampir setengah juta pekerja telah dilatih di dalam

dan juga di luar negeri, termasuk di peringkat diploma dengan peruntukan kewangan sebanyak RM86.22 juta. Namun demikian, kementerian ini akan terus berusaha mempertingkatkan prestasi Majlis. Perincian jumlah pekerja mengikut bidang latihan semula dan peningkatan kemahiran yang telah dijalani adalah:

<i>Bidang</i>	<i>Bil. Pekerja</i>
<i>Kemahiran</i>	<i>(orang)</i>
Teknikal/Kraf	111,671
Kualiti/Produktiviti	78,724
Komputer	46,793
Penyeliaan	20,329
Lain-lain	209,483
Latihan Luar Negeri	5,673
Diploma (mulai 1.7.94)	34
Jumlah	<u>427,707</u>

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah rancangan Majlis Pembangunan Sumber Manusia yang akan bekerjasama dengan pusat-pusat latihan yang meningkatkan kemahiran seperti Penang Skill Development Centre yang disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pusat-pusat latihan yang ditubuhkan oleh SEDC Johor atau National Productivity Centre. Apakah sumbangan akan diberi kepada pusat-pusat latihan ini?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa keperluan tenaga mahir oleh negara adalah kian meningkat dengan begitu pantas sekali, maka oleh sebab itu kementerian memang menggalakkan

sesiapa sahajalah badan yang ingin memberi latihan memang diberikan galakan. Sekarang timbul pula satu masalah iaitu penyelarasan (coordination) supaya usaha-usaha itu tidak akan overlapped dan kita juga sedang memikirkan bagaimana badan-badan seperti yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dimanfaatkan dari tabung tersebut, ini sedang dikaji.

**ELAUN SARA HIDUP  
PENUNTUT DI LUAR NEGERI—  
KENAIKAN**

**10. Datuk Abu Seman bin Haji Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilakah kenaikan terakhir elaun sara hidup penuntut-penuntut di luar negeri khususnya di United Kingdom di bawah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dibuat; dan
- (b) memandangkan kos sara hidup di luar negeri pada masa ini meningkat, adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun sara hidup mereka.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan terakhir elaun sara hidup penuntut-penuntut di luar negeri khususnya United Kingdom di bawah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam ialah pada 24hb Oktober 1992. Kerajaan memang sedar bahawa kos sara hidup di luar negeri sentiasa meningkat dari setahun ke setahun tetapi oleh kerana ramainya jumlah pelajar tajaan kerajaan di luar negeri, kenaikan elaun sara hidup pelajar-pelajar akan menambahkan bebanan kerajaan.

Pada masa yang sama kerajaan berhasrat untuk memberikan peluang tajaan kepada ramai lagi pelajar yang berkelayakan. Sekiranya keadaan di sesebuah negara begitu mendesak, kerajaan akan meneliti dan mengkaji supaya elaun tersebut dinaikkan kepada kadar yang munasabah.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertuan, soalan tambahan. Kita dapati rungutan-rungutan daripada pelajar ini memang—kalau kita melawat negara-negara ini, pelajar-pelajar ini akan berjumpa dengan kita dan meminta terutamanya sekali kepada wakil-wakil rakyat, memohon kepada kerajaan untuk menambahkan elaun ataupun biasiswa kepada mereka, terutama sekali di U.K. dan juga di lain-lain kawasan di London di mana 'cost of living' itu terlalu tinggi. Ini untuk menghindarkan pelajar-pelajar ini bekerja di malam hari dan terpaksa mencari duit luar untuk menyara hidup mereka.

Jadi, bilakah kerajaan akan membuat kajian semula? Begitu juga di Pakistan, kerajaan membayar dengan duit rupee lima tahun yang lalu, tetapi harga rupee sudah meningkat dan sebagainya, jadi 'cost of living' itu makin meningkat. Jadi, pelajar-pelajar ini merasakan mereka agak susah untuk meneruskan pelajaran mereka dan terpaksa bekerja di siang dan malam hari untuk mendapatkan duit tambahan.

Jadi, bolehkah Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan—JPA pergilah buat kerja sedikit, buat siasatan. Kita ada duta-duta di tiap-tiap negara dan kalau duta itu membuat laporan kata 'cost of living' meningkat biasiswa patut ditambah. Jadi, saya

harap janganlah JPA pula dok kata nanti, hendak hantar pegawai itu dan ini. Kadang-kadang agensi macam MARA sudah bersetuju hendak beri tetapi JPA kata—tidak boleh, jadi inilah masalah-masalah birokrasi yang perlu dipertingkatkan.

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya mempercepatkan siasatan supaya anak-anak kita jangan merana di luar negeri—malu imej negara kita Malaysia ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya sebentar tadi, saya telah menyebut bahawa kenaikan elaun sara hidup pelajar-pelajar yang sebegitu ramai sudah tentu akan menambah bebanan kerajaan yang bermakna keupayaan kita untuk membiayai kalau sekiranya kita menaikkan elaun ini.

Keduanya, kita telah juga sebut bahawa faktor yang juga penting ialah untuk memberikan peluang tajaan kepada seberapa ramai yang boleh pelajar yang berkelayakan untuk kita hantar ke sana. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang disebutkan sebentar tadi, sekiranya keadaan sesebuah negara begitu mendesak, kerajaan akan meneliti dan mengkaji supaya elaun tersebut dinaikkan kepada kadar yang munasabah.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, apakah asas (basis) yang digunakan untuk menentukan jumlah elaun-elaun yang diberi pelajar, adakah ia berasaskan kepada kemampuan negara ataupun kos barangan.

Kedua, adakah indeks harga sesuatu barangan di sesebuah negara itu atau pun CPI diambil kira untuk menentukan jumlah elaun itu?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, asas yang kita ambil kira ialah cost of living, dengan izin, di tempat mereka belajar itu, supaya kita tidak memberikan satu jumlah elaun yang tidak membolehkan mereka untuk mendapat perbelanjaan basic, di mana mereka berada. Namun demikian, sepertimana saya sebutkan sebentar tadi, semua ini akan berdasarkan kepada keupayaan kerajaan untuk menampung mereka ini.

#### **ASKAR WATANIAH— PENUKARAN NAMA**

**11. Che Ibrahim bin Mustafa** minta Menteri Pertahanan menyatakan;

- (a) Adakah Kerajaan berhasrat untuk menukarkan nama pasukan Askar Wataniah kepada nama lain agar menambahkan imej yang menonjol; dan
- (b) bilangan semua askar Wataniah yang terdapat kini dan tidak adakah langkah-langkah yang lebih agresif untuk menambahkan bilangan keanggotaannya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan):**

- (a) Buat masa kini kerajaan tidak ada rancangan untuk menukarkan nama pasukan Askar Wataniah kepada nama yang lain kerana nama itu sesungguhnya melambangkan fungsi dan peranan pasukan tersebut.
- (b) Bilangan anggota Pasukan Wataniah sehingga Jun tahun

ini adalah seramai 29,172 orang. Sasaran jumlah kekuatan Askar Wataniah menjelang tahun 2000 ialah seramai 80,000 orang.

Semenjak awal tahun 1995 ini Kementerian Pertahanan telah mengambil langkah-langkah dan pendekatan baru untuk menarik minat orang-orang awam menyertai Askar Wataniah sebagai anggota pasukan sukarela. Antara langkah-langkah yang diambil adalah melalui hebahan sebaran am, melalui jabatan-jabatan kerajaan, memperkenalkan Askar Wataniah kepada masyarakat umum melalui persatuan, pusat-pusat belia dan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu apakah elaun-elaun yang diberi kepada mereka dan lain-lain berhubung dengan kebajikan mereka?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita menubuhkan Askar Wataniah ini adalah untuk kita menggalakkan semangat berkorban tenaga untuk keselamatan negara dan sebagainya. Setakat ini kita tidak memberi apa-apa elaun yang khusus selain daripada kita mengadakan latihan-latihan asas, latihan tempatan, latihan kem tahunan dan kita menentukan mereka mendapat peruntukan perjalanan untuk datang berlatih dan juga kita mengadakan insurans kelompok dan juga mengadakan 'medical cover' semasa mereka di dalam latihan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tidakkah

kerajaan bercadang untuk menggunakan tenaga pasukan Wataniah ini dalam usaha membantu menangani isu pendatang-pendatang haram di sepanjang perairan atau pantai kita, khususnya di Johor?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum lagi.

### HEALTH MAINTENANCE ORGANISATION (HMO)— KEMUDAHAN KEPADA ORANG RAMAI

**12. Dr. Yap Yit Thong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah 'Health Maintenance Organisation (HMO) beroperasi di negara kita dan jika ada, apa jenis kemudahan yang mereka beri kepada orang ramai; dan
- (b) apakah kebaikan dan kelematan mengadakan organisasi tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Health Maintenance Organisation, dengan izin, atau HMO beroperasi di negara ini di sektor swasta. Walau bagaimana pun belum ada agensi atau jabatan kerajaan yang terlibat dengan mana-mana operasi HMO di negara ini. Kebaikan sistem HMO adalah:

- (i) Sistem HMO menyumbang pengawalan kos keseluruhan bagi rawatan kesihatan.
- (ii) Oleh kerana jumlah komitmen pembiayaan bagi setiap ahli telah ditetapkan maka HMO,

klinik atau hospital berkepentingan untuk mengurangkan jumlah pesakit yang menggunakan kemudahan kesihatan mereka. Oleh itu ini merupakan insentif yang baik untuk HMO, hospital atau klinik akan membawa kepada peningkatan status kesihatan sesuatu komuniti dan akibatnya akan mengurangkan penggunaan kemudahan kesihatan. Sistem HMO juga akan mengurangkan birokrasi dan 'paper work' dengan izin, bagi sesuatu organisasi untuk menguruskan penjagaan kesihatan ahli dan pekerja mereka.

Antara kelemahan sistem HMO ialah oleh kerana perkiraan premium HMO berasaskan konsep insuran, mungkin elemen adverse selection atau pemilihan yang merugikan dan patient selection atau pemilihan pesakit-pesakit akan berlaku di mana ahli dikenakan bayaran yuran atau premium yang berdasarkan risiko kesihatan mereka. Peserta-peserta skim HMO tidak mempunyai pilihan dari segi doktor, kemudahan kesihatan dan rawatan yang akan diperolehi, ini kerana dalam sistem HMO semua perkara ini telah dipersetujui dan ditetapkan secara pakej.

- (iii) Oleh kerana dalam sistem HMO jumlah bayaran telah ditetapkan maka doktor di hospital atau klinik mempunyai kepentingan untuk mengurangkan perkhidmatan yang diberikan dan kemungkinan menyebabkan keadaan 'under servicing' dan pemberian perkhidmatan yang tidak berpadanan.

#### **TAFSIR BARU AL-QURAN— PERLANTIKAN AHLI PANEL**

**13. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah sudah dilantik ahli panelnya untuk membuat tafsir baru Al-Quran, jika ia merasakan tafsiran ulama-ulama muktabar terdahulu tidak sesuai dengan keadaan sekarang; dan
- (b) kitab-kitab tafsir yang manakah tidak sesuai dengan zaman sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman):** Tuan Yang di-Pertua.

- (a) usaha untuk menulis dan menyusun kitab tafsir Al-Quran adalah terbuka kepada mereka yang ahli mengenai ilmu Al-Quran. Kerja mentafsir ini adalah amalan yang diwarisi sejak zaman Rasulullah, sahabat dan tabiin hingga ke hari ini. Usaha-usaha ini perlu digalakkan supaya aspek-aspek

tertentu di dalam Al-Quran ditekan dan dihuraikan lebih lanjut umpamanya suruhan supaya berbuat baik sesama manusia dan membina tamadun tinggi berdasarkan ilmu.

- (b) Sesuai atau tidaknya sesuatu kitab tafsir adalah bergantung kepada penilaian ulama yang muktabar. Selalunya perkara ini dibahas dan dianalisa dalam pengajian di institusi pengajian tinggi.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah terdapat di kalangan kitab-kitab tafsir yang pernah dilarang ataupun diharamkan oleh pihak kerajaan dan namakan kitab-kitab tersebut dan mengapa ianya dilarang ataupun diharamkan?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingat nama dan bilangan yang sebenar tetapi memang ada kitab-kitab tafsir yang dilarang digunakan di dalam negara ini kerana ianya bercanggah dengan pegangan mazhab yang dipegang oleh umat Islam dalam negara ini dan amalan-amalan di dalam negara ini.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu, kerajaan telah pun mentafsir Al-Quran di bawah Jabatan Perdana Menteri—Tafsir Ar-Rahman, kira-kira masa itu sudah lama sehingga sekarang ini sudah memakan masa dua dekad. Apakah sekarang ini tidak ada usaha-usaha positif yang telah ditakukan oleh pihak kerajaan untuk mentafsirkan Al-Quran di bawah mana-mana jabatan yang ditubuhkan oleh kerajaan sekarang misalnya di bawah IKIM ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Saya kira dengan tenaga yang ada sekarang ini sudah mencukupi untuk kerajaan cuba untuk mentafsirkan semula Al-Quran sebagaimana kehendak kerajaan sendiri supaya rakyat negara ini boleh menilai sama ada sesuatu ajaran itu sesat ataupun tidak sesat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Soalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, itu soalan. Apakah ada usaha-usaha untuk mentafsirkan semula Al-Quran sekarang ini?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada tafsir yang telah diterbitkan oleh kerajaan dengan usaha kerajaan sendiri iaitu Pimpinan Ar-Rahman yang dipakai di seluruh negara pada hari ini. Usaha kita pada hari ini ialah menokok tambah tafsir itu dari masa ke semasa.

#### PERJANJIAN USAHASAMA— ANTARA SYARIKAT TEMPATAN DAN PELABUR ASING

**14. Tuan Mahamed Khaled bin Nordin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah perjanjian usahasama yang telah ditandatangani di antara syarikat-syarikat tempatan dengan pelabur asing semenjak tahun 1990;
- (b) apakah sektor dan bidang yang terlibat dalam perjanjian usahasama tersebut; dan

- (c) sejauh manakah ia berjaya mencapai matlamat yang digariskan dalam perjanjian usahasama tersebut khususnya yang menepati matlamat untuk memindahkan teknologi.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari bulan Januari tahun 1990 hingga bulan Jun tahun 1995, sebanyak 1,981 perjanjian usahasama telah ditandatangani di antara rakyat tempatan dengan pihak asing.
- (b) Perjanjian-perjanjian usahasama yang ditandatangani meliputi kesemua 19 subsektor industri. Perjanjian-perjanjian usahasama paling banyak ditandatangani bagi subsektor elektronik dan elektrik iaitu 377, diikuti oleh barangan plastik -177, kayu dan barangan kayu -173, kimia dan barang-barang kimia - 158, tekstil dan barangan tekstil - 148 dan barangan galian bukan logam -134. Bagi subsektor-subsektor yang mencatat perjanjian usahasama terendah pula ialah gas asli -1 projek barangan kulit - 9, penapisan petroleum - 9, alat-alat sains dan pengukuran - 10 minuman dan tembakau -13.
- (c) Perjanjian-perjanjian usahasama itu telah menghasilkan banyak perjanjian pemindahan teknologi yang memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk mempelajari, menyerap serta menguasai teknologi asing. Perjanjian pemindahan teknologi adalah terdiri daripada perjanjian-perjanjian berbentuk bantuan teknik, cap dagangan,

paten, turnkey dan engineering, dengan izin, dan pengurusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 1994 jumlah perjanjian pemindahan teknologi yang telah diluluskan ialah 1,744 yang terdiri daripada perjanjian bantuan teknik - 1,137, paten - 312, cap dagangan - 102, pengurusan - 154, turnkey dan engineering - 35. Pada masa ini, kerajaan berpuas hati dengan tahap teknologi yang dipindahkan kepada rakyat tempatan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan tentang pemindahan teknologi. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kerajaan berpuas hati dengan pemindahan teknologi tetapi baru-baru ini menteri sendiri ada membuat satu kenyataan bahawa kerajaan masih lagi mahu peningkatan yang lebih tinggi lagi dalam pemindahan teknologi ini. Apakah kerajaan bercadang untuk menekankan terma-terma (terms) baru ataupun insentif-insentif baru bagi syarikat-syarikat asing ini menambahkan lagi peningkatan teknologi atau penambahan pemindahan teknologi ini kepada pengusaha tempatan?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini tidak bercadang menambahkan apa-apa insentif untuk memindah teknologi bagi projek-projek yang sedia ada itu tetapi memandangkan pemindahan teknologi itu merupakan satu proses yang berterusan, jadi kementerian ini sentiasa akan mengawal perkara ini dan pada masa yang sama, meneruskan program latihan untuk meningkatkan keupayaan rakyat tempatan untuk menyerap teknologi yang dipindahkan itu. Itulah yang dimaksudkan, bukan

insentif yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara perjanjian-perjanjian usahasama yang telah diumumkan, agak berapa peratus telah menjadi kenyataan?

Soalan kedua, apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham tidak mengumumkan perjanjian usahasama yang tidak benar dengan tujuan untuk meningkatkan nilai dan harganya di Bursa Saham?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua itu terkeluar daripada soalan pokok. Soalan yang pertama, begini. hampir semua yang menandatangani perjanjian pemindahan teknologi itu tidak ada satu yang dilaporkan tidak mematuhi kepada surat perjanjian itu.

#### ELEKTRIK—JUMLAH RIZAB YANG ADA

**15. Dr. Tan Seng Giaw** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah elektrik yang digunakan setiap hari dan jumlah rizab yang ada bagi sekarang, 2000, 2005 dan 2010. Apakah sumbangan daripada IPP. Bagaimana pelbagai gangguan elektrik dapat diatasi.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy):** Tuan Yang di-Pertua, TNB kini mempunyai keupayaan penjanaan sebanyak lebih kurang 5,960 megawatt dan dengan keupayaan lebih kurang 1.920 megawatt daripada pengeluaran-pengeluar kuasa bebas ataupun IPP. Ia menampung permintaan maksimum sebanyak lebih kurang 5,710 megawatt.

Rizab bekalan hingga tahun 2000 telah pun diadakan. Bagi tahun-tahun sehingga 2005 dan 2010, selain dari projek Bakun, projek-projek lain belum dikenal pasti. Rizab keupayaan penjanaan sekarang ialah 3,526 megawatt, lebih kurang 56%. Bagi Tahun 2000, 3,590 megawatt, lebih kurang 35%. Bagi tahun 2005, 3,980 megawatt, rizabnya lebih kurang 27% dan bagi tahun 2010, rizabnya adalah sebanyak 5,872 megawatt, lebih kurang 26%.

Mengenai gangguan bekalan, ia hanya dapat dikurangkan. TNB telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan gangguan termasuk:

- (i) kerja atas talian hidup semasa menjalankan kerja maintenance;
- (ii) membina lebih kurang 2.600 pencawang elektrik, yang mana kerja pembinaan sedang berjalan sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua 2.600 pencawang yang sedang dibina ini, khususnya adalah untuk kawasan yang mengalami low voltage dan ia memakan belanja yang cukup besar, yang berjumlah lebih kurang RM150 juta;
- (iii) membina pencawang-pencawang bekalan utama di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia; dan
- (iv) membina talian-talian penghantaran 275 kv dan 500 kv.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya ada tambahan

bekalan tenaga elektrik untuk sekarang dan masa hadapan. Walau bagaimanapun, soalan yang pertama, bolehkah kementerian membuat kajian yang menyeluruh dan teliti untuk mengenalpasti dan untuk mengetahui di seluruh negara ini gangguan elektrik? Bukan sahaja membina pencawang—itu baik, tetapi kita buat satu kajian yang menyeluruh untuk mengetahui frequency. (*Disampuk*)

Soalanlah! Soalan yang pertama sahaja! Kita perlu meneliti soalan!

**Seorang Ahli:** Pong!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Minta teruskan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tak boleh? Kita mesti buat kajian ke seluruh negara untuk mengetahui! (*Disampuk*) Kawasan Kepong sahaja, walaupun ada kebaikan sedikit, tetapi tidak dapat menyelesaikan masalah.

**Beberapa Ahli:** Betul! Betul. . . pong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu soalan yang pertama—kajian menyeluruh. Yang kedua, dengan keuntungan Tenaga Nasional yang berpuluh bilion ringgit, bolehkah tenaga kakitangan ditambah dan kualiti dipertingkatkan supaya kakitangan ini dapat membuat kerja dengan baik, termasuk nilai ethic yang lebih tinggi sedikit? Itu dua soalan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, kerajaan memang ada menjalankan kajian mengenai sebab-sebab yang mendatangkan gangguan. Oleh sebab itu, dapatlah pihak TNB mengambil langkah-langkah yang saya sebutkan tadi. Kalau sekiranya tidak ada kajian, macam mana kita hendak mengambil langkah-langkah yang saya

sebutkan tadi? Ini menunjukkan memang ada kajian.

Untuk menjawab soalan yang kedua, Yang Berhormat dari Kepong menyatakan, TNB tiap-tiap tahun mendapat untung yang berpuluh-puluh bilion ringgit. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat angka ini—berpuluh-puluh bilion! Tak sampai dua bilion pun, tetapi Yang Berhormat kata, berpuluh-puluh bilion. Ini memang saya tidak setuju.

Walaupun bagaimanapun, pihak TNB memang ada menganjurkan berbagai-bagai kursus untuk mempertingkatkan kualiti pekerja-pekerja yang bekerja di TNB dan untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian dan pihak TNB setakat ini memang puas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh pihak para pekerja TNB.

**Timbalan Yang di-Pertua Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 8 da 16 hingga 82 akan dijilid dalam buku berasingan)*

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DLAAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG BANDAR 1995

#### Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran perancang bandar dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERANCANGAN BANDAR DAN  
DESA (PINDAAN) 1995**

**Bacaan kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
DEWAN BAHASA DAN  
PUSTAKA (PINDAAN) 1995**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (*Hari Isnin, 28 Ogos 1995*)

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya Yang Berhormat, point of order Yang Berhormat? Berapa?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Aturan Urusan Mesyuarat dan usul-usul yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di mana saya perhatikan bahawa perkara yang kedua yang akan dibahaskan ialah Rang

Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 1995 (DR.22/95); dan yang ketiga (DR.21/95) iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 1995.

Tuan yang di-Pertua, semalam, kedua-dua Rang Undang-undang ini tidak termasuk di dalam Aturan Urusan Mesyuarat, tetapi Rang Undang-undang yang saya rasa setebal satu setengah inci ini baru dibentangkan semalam dan saya rasa, untuk Ahli Parlimen yang baru masuk hari ini, saya rasa masih belum bersiap sedia!

**Seorang Ahli:** Biarlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya bimbang kalau perkara ini dibahaskan, sebab perkara ini sangat penting. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk membenarkan masa yang lebih cukup dan perkara ini dibahaskan pada minggu hadapan kerana ini ialah mengenai pasaran modal yang amat penting!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ya, Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Guan Eng:** Kita harus diberikan masa untuk meneliti perkara yang teknikal ini. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera dan Tabung Bekas Perajurit (Pindaan) 1995 telah dibentangkan minggu lepas dan kodnya ialah (DR. 14/95). Bolehkah perkara ini dibahaskan dahulu kerana saya percaya semua Ahli yang Berhormat—bukan sahaja dari parti pembangkang, tetapi kalau kita perlukan masa. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat . . . Yang Berhormat . . . tak payah berucap panjang Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya. Saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Terima kasih Yang Berhormat. Nanti saya akan bincangkan dengan Tuan Yang di-Pertua berkaitan perkara ini.

Yang Berhormat dari Wangsa Maju minta sambung.

3.38 ptg.

**Dato' Dr. Kamal bin Salleh (Wangsa Maju):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meneruskan ucapan saya dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka yang dibuat pertama kali sejak ditubuhkan dalam tahun 1959 dalam usaha memantapkan dan memperluaskan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan seperti dalam Perenggan 7, bagi segala maksud.

Seperti saya sebutkan semalam, saya sungguh merasa ghairah dan merasa bangga dengan pencapaian DBP sejak ditubuhkan sehingga sekarang dalam bidang perkembangan Bahasa Melayu, Bahasa Malaysia melalui pembentukan istilah, perkamusan, penyelidikan, sastera dan penerbitan, termasuk terjemahan setakat ini. Lebih-lebih lagi jika dibanding dengan keadaan di awal 1970-an. Semasa itu, pensyarah baru seperti saya terpaksa membentuk istilah-istilah teknikal masing-masing berpandukan pedoman yang masih belum mantap serta kamus istilah yang

baru serta juga kamus Bahasa Inggeris/ Bahasa Malayu belum lagi pun selesai disediakan yang juga baru mula dibuat oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Istilah Dewan Bahasa.

Juga bagaimana dahulu pensyarah-pensyarah terpaksa menyediakan nota-nota tambahan dalam Bahasa Malaysia untuk menampung buku-buku teks dan bahan-bahan rujukan dalam Bahasa Malaysia yang belum mencukupi. Bahan-bahan terjemahan juga sungguh sedikit dan ramai pensyarah menterjemah sambil mengajar dalam bidang-bidang pengkhususan masing-masing. Tentu sekalilah kadar serta mutu terjemahan jauh dari apa yang sepatutnya. Jumlah pensyarah yang boleh mengajar dalam bahasa Malaysia juga terhad pada waktu itu. Mereka mengajar dan bersyarah terutama yang bukan Melayu sambil mempelajari dan meningkatkan penguasaan bahasa Malaysia sendiri. Jadi, bayangkanlah akan keadaannya. Jadi, saya sungguh-sungguh menyokong Rang Undang-undang Dewan Bahasa dan Pustaka ini untuk memberikan kuasa yang lebih supaya Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengkaji kedudukan perkembangan Bahasa Malaysia ini serta mencari langkah-langkah baru di mana dalam 20 tahun selepas zaman awal 70-an itu nampak begitu jauh sekali perkembangannya.

Saya ingin memberi satu contoh di mana kini kita menghadapi satu keadaan di mana bahasa itu bukan sahaja lagi dikait dengan isu perpaduan negara mahupun keutuhan dan pentakrifan bangsa sahaja tetapi soal kecemerlangan dalam pendidikan dan dalam penimbaan ilmu, terutamanya ilmu dalam sektor moden yang kita alami menjelang abad ke-21. Pada awal tahun 70-an iaitu lebih kurang 20 tahun

yang lepas, saya telah menjalankan satu kaji selidik yang agak terbatas oleh kerana data. Bagaimanapun, untuk mencari hubung kait antara prestasi akademik dan penggunaan Bahasa Malaysia iaitu bahasa Melayu bersabit juga dengan penggunaan bahasa Inggeris.

Dalam keadaan yang saya sebutkan tadi, iaitu di mana bahan-bahan rujukan dan syarahan-syarahan berasaskan hanya kepada nota-nota bercebis untuk menyampaikan bidang-bidang yang sungguh teknikal dan sebagainya. Di dalam kajian itu ditemui bahawa kita bezakan antara pelajar-pelajar yang fasih dalam bahasa Inggeris berbanding dengan mereka yang hanya bergantung kepada bahasa Malaysia yang kita telah pertingkatkan jumlah mereka masuk ke universiti oleh kerana Dasar Pelajar Negara dan juga dasar untuk memperbanyakkan bumiputera dalam bidang profesional.

Didapati pada waktu itu, bahawa mereka yang mempunyai kefasihan dalam bahasa Inggeris; di sini saya tidak control bagi keupayaan akademik, taraf pembelajaran mereka, kegigihan dan sikap mereka. Bagaimanapun, secara imbas mereka yang mempunyai penguasaan bahasa Inggeris mempunyai kelebihan apabila menimba ilmu dan menerima pengajaran-pengajaran yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah yang masing-masing juga tidak begitu fasih dalam bahasa Inggeris apabila menyampaikan bahan ataupun syarahan mereka.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini menimbulkan perkara yang sekarang ini menjadi isu dan saya juga akan sentuh sedikit lagi soal penggunaan bahasa Inggeris yang telah dimungkinkan dan dibolehkan oleh kerajaan sebagai bahasa penghantar

bagi bidang-bidang teknologi dan sains yang hangat diperdebatkan sekarang. Bagaimanapun, kajian yang saya buat itu ialah 20 tahun yang lepas. Kemungkinan besar Tuan Yang di-Pertua, keadaan sudah berbeza sekarang seperti kita lihat pada apa yang disebut-sebutkan oleh ahli-ahli akademik di UKM dan lain-lain universiti tempatan yang sudah lama menggunakan bahasa Malaysia atau bahasa Melayu sebagai penghantar utama bagi keseluruhan pengajian di IPT.

Sekarang juga kita dapati banyak bahan-bahan rujukan ilmiah diterjemahkan. Usaha DBP serta juga pensyarah-pensyarah sendiri di universiti-universiti tempatan. Guruguru pensyarah-pensyarah walaupun tidak berbahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya pun sudah fasih menggunakan bahasa Malaysia. Malah Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen pembangkang pun sudah pandai berbahasa dalam perdebatan-perdebatan Dewan yang mulia ini. Maka jauh sungguhlah pencapaian kita dalam mengembangkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan. Bagaimanapun, saya rasa tiba masanya dalam pindaan ini kita memberikan DBP ini satu lagi kuasa ataupun kemungkinan untuk memainkan peranan yang jauh lebih mantap untuk tujuan mencapai matlamat yang telah ditunjukkan dalam Perenggan 7 terutamanya dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Kita faham Tuan Yang di-Pertua, bahawa peranan yang dimainkan oleh DBP ini bukanlah unik ataupun dimonopolikan oleh DBP sahaja. Bahawa sumbangan dan usaha daripada universiti-universiti dan penyelidik-penyelidik dan cendekiawan kita serta penulis-penulis serta sektor

media massa memainkan peranan yang penting. Dan kerajaan sendiri dalam urusan-urusan rasmi kerajaan memainkan peranan dalam mengembangkan penggunaan bahasa Malaysia ini.

Namun, ada lagi masalah-masalah seperti yang disebutkan yang mencabar DBP dalam era baru ini. Maka dengan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan supaya DBP dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam bidang pengistilahan dan terbitan sebagai contohnya. DBP harus menjadi badan rujukan akhir serta berfungsi sebagai penyelarasa ataupun custodian, dengan izin, kepada pembentukan istilah dan bahasa dan jika timbul masalah-masalah ketidakselarasan di dalam usaha media ataupun badan-badan kerajaan ataupun universiti-universiti dalam usaha-usaha pengistilahan ini, pengkamusan, penulisan-penulisan dan penyelidikan, maka haruslah kita galakan DBP memainkan peranan tersebut.

Sekarang ini DBP menghadapi persaingan dengan institusi-institusi penyelidikan dalam pengajian bahasa termasuk sastera Melayu, penyelidikan tentang sejarah dan tamadun Melayu. Semuanya ini meminta DBP tingkatkan kualiti dan kredibilitinya sendiri supaya ia tidak tertinggal dalam persaingan ini ataupun dalam usaha-usaha yang melibatkan begitu ramai pemain dan aktornya.

Diharapkan dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, yang dicadangkan kepada Rang Undang-undang 1959 itu akan memberi ruang dan kuasa yang lebih luas kepada DBP untuk tujuan penyelarasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk juga membincangkan Perkara 7 itu berkaitan dengan pengembangan penggunaan bahasa Malaysia dalam tiga segi iaitu sudut pertamanya bahasa Melayu itu sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian tinggi terutama dalam konteks apa yang berlaku sekarang ini iaitu pengembangan pendidikan pihak swasta dan lain-lain berkaitan dengan dasar kerajaan yang baru.

Keduanya, dalam sudut kedudukan bahasa Melayu dalam dunia perniagaan dan sektor swasta. Juga satu yang dipertikaikan dalam perdebatan setakat ini dalam pindaan ini. Yang ketiganya, sebagai bahasa antarabangsa ataupun usaha Dewan Bahasa dan Pustaka dan lain-lain mengantarabangsakan bahasa Melayu dalam dunia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, memperkatakan tentang perluasan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa terutamanya di peringkat pengajian tinggi termasuk di pengajian tinggi swasta, kita tidak dapat mengelak daripada berdepan dengan isu bahasa Inggeris dan penggunaannya. Bahawa pengumuman kerajaan baru-baru ini membolehkan bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar untuk bidang-bidang sains dan teknologi. Juga, ini adalah sebagai usaha untuk membolehkan institut-institut pengajian tinggi swasta memainkan peranan melalui twinning programme dalam usaha menyahut permintaan kerajaan dan galakan kerajaan memperluaskan lagi Malaysia dijadikan sebagai tapak pendidikan di rantau ini.

Maka kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa satu perdebatan hebat

telah timbul dalam hal penggunaan ataupun pelanggaran, jika dapat digunakan perkataan itu, bagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Timbul satu perdebatan yang hebat antara para pejuang bahasa dan cendekiawan dengan pihak kerajaan dan penyokong dalam soal kelonggaran syarat bahasa ini.

Saya rasa mungkin tidak keterlaluan jika saya, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan iaitu bahawa perdebatan ini sudah sampai ke tahap emosional dan itulah kita merasakan perlu kita keluarkan isu ini secara terbuka dan selesaikan secepat mungkin supaya kita dapat teruskan usaha yang kita telah mulakan melalui usaha kerajaan ini.

Saya tahu bahawa isu yang menimbulkan emosi di kalangan cendekiawan sebagai pejuang bahasa yang kita harus sanjung tinggi oleh kerana sumbangan mereka sebelum ini untuk meningkatkan maruah bahasa Melayu sebagai bahasa yang mengiktirafkan bangsa dalam ungkapan 'Bahasa Jiwa Bangsa'. Kerana mereka ini khuatir keputusan kerajaan mengenai bahasa Inggeris ini akan menjejaskan usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan.

Sebaliknya inilah dalam perdebatan ini, kerajaan menganjurkan bahasa Inggeris ini digunakan sebagai bahasa pengantar untuk bidang-bidang sains dan teknologi malah bidang-bidang yang berkaitan sebagai alat untuk menimba ilmu iaitu pendekatan yang praktikal, pragmatik. Jadi, bagi saya dalam soal ini, saya rasa perdebatan ini adalah perdebatan yang palsu, dengan izin, a false debate. Saya rasa kita tidak haruslah melihat kepada isu ini sebagai pilihan antara satu atau

atau lain ataupun, dengan izin, either or. Kita harus melihat soal ini sebagai, dengan izin, a zero sum game, bahawa apabila kita tingkatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu, kita akan menurunkan maruah bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengantar. Saya rasa ini harus kita cuba selesaikan apakah sebenarnya yang menjadi matlamat kita. Maka dengan matlamat itulah yang dapat mencari perimbangan antara dua kehendak ini iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Saya juga menganjurkan pihak cendekiawan dan pejuang bahasa yang ramainya kawan dan sahabat seperjuangan bahawa kita harus menghindar dalam soal Bahasa Malaysia ini daripada sikap terkepong ataupun the seize mentality bahawa kita tidak harus dalam memperjuangkan Bahasa Malaysia walaupun keadaan berubah-ubah dan perlu berubah oleh kerana keadaan yang kita terlalu defensive dalam soal menegakkan Bahasa Malaysia. Sebaliknya pejuang-pejuang bahasa harus menerima langkah dan hakikat itu sebagai cabaran untuk berusaha dengan lebih gigih bagi mempertingkatkan keupayaan Bahasa Malaysia. Inilah maka pihak DBP mempunyai peranan yang sungguh unggul dan penting dalam hal ini bersama dengan lain-lain badan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang penggunaan bahasa Inggeris di IPT swasta iaitu institut pengajian tinggi swasta memanglah satu perkara yang harus kita sentiasa berwaspada oleh kerana ianya mungkin kalau tidak terkawal dan tidak dikawalselia dengan baik, akan membawa kepada padah yang tidak kita ingini dalam konteks pengembangan Bahasa Malaysia. Jadi, itulah sebabnya, saya sendiri sebagai

yang terlibat dalam hal ini sungguh menyanjung tinggi kehendak Kementerian Pendidikan supaya pusat-pusat pendidikan swasta ini mewajibkan pengajaran Bahasa Malaysia walaupun ia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Ini kita tidak dapat elak iaitu menggunakan bahasa Inggeris itu jika kita terlibat dalam, program berkembar (twinning programme) yang menyediakan anak-anak kita untuk belajar ke luar negeri di tempat-tempat di institusi di luar negeri yang menggunakan bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, itulah sebabnya ini satu yang harus kita galakkan dan laksanakan. Tetapi soal penimbaan ilmu ataupun dengan izin, acquisition of knowledge itu sungguh penting dalam keadaan dan era kita menghadapi cabaran-cabaran perindustrian seterusnya dan juga apabila kita memasuki ke abad 21.

Saya hendak sebutkan dua item sebagai membayangkan apakah keperluan kita dalam soal menangani cabaran perindustrian abad ke-21 ini. Saya tidak ada kepastian tetapi seorang rakan/sahabat ada menyatakan dalam kajian di mana saya terbaca bahawa sehingga penghujung abad ke-20 ini telah terhasil lebih kurang 16 juta ribu naskhah penulisan, laporan dan lain-lain khazanah pengetahuan seluruh dunia. Dari 16 juta ini, 16,000 mungkin dipilih oleh kerana dia ada kaitan peratus (percentage) peribuan itu sama. 16,000 ditulis dalam Bahasa Melayu. Ini adalah termasuk kajian-kajian ataupun penghasilan yang moden di era penulisan kita yang sejak kemerdekaan dan juga dalam sejarah daripada tahun-tahun dulu-dulu, sejak sejarah Melayu dan sebagainya. Mungkin dari 16,000 ini yang terdapat di sesebuah khutub-khanah seluruh dunia disatukan hanya

di sesetengah tempat ada jumlah yang 16,000 ini.

Tetapi kita akan melihat iaitu pengeluaran dan penghasilan bahan-bahan ilmiah dalam Bahasa Melayu hanya satu per sepuluh ribu iaitu 0001%. Inilah satu yang disebut-sebutkan oleh Perdana Menteri bahawa khazanah ilmu seluruh dunia yang setakat inipun sudah jauh melampaui keupayaan kita menghasilkan bahan. Maka untuk menimba ilmu perlulah kita dapat sekurang-kurangnya meng'access'kan 16 juta ini dalam bidang-bidang kepakaran masing-masinglah dan dengan ledakan maklumat yang sebegitu hebat dalam penghujung kurun ke-20 ini, sudah tentu sekali jumlahnya semakin meningkat secara exponential.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bayangkanlah bagaimana dalam abad ke-21, kita sebagai sebuah bangsa yang memang sepatutnya terus mempertahankan dan mendaulatkan Bahasa Melayu itu sendiri sebagai bahasa ibunda dan bahasa mentakrifkan bangsa Malaysia ini, harus kita cari dan mendekati isu ini dengan lebih pragmatik.

Saya beri contoh yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Alvin Toffler dalam penulisan yang terbaru "The Politics of Creating a New Civilisation" memperkatakan bahawa ini juga pendapat umum, jadi ia bukanlah perkara baru. Namun Toffler yang begitu berpengaruh dalam penulisan-penulisan beliau terutama sekali meninjau masa depan dalam segi ekonomi dan politik antarabangsa bahawa dalam soal pengembangan dan strategi pembangunan ekonomi kita setakat ini, bukan sahaja dalam negara kita yang sedang membangun menuju

wawasan dan tahap kemajuan begitu juga negara-negara yang telah maju dari segi ekonominya, bahawa pengeluaran kita, penghasilan kita dalam bentuk barangan mahupun perkhidmatan, bergantung kepada pusingan matawang, dengan izin, bahawa our whole economic strategies focus on the circulation of money. Tetapi kata beliau, bagi abad ke-21, bagi kita membentuk satu peradaban dan civilisation yang baru, yang kita mahu sertai melalui Wawasan 2020 sebagai satu bangsa Malaysia dan negara bangsa Malaysia itu sendiri, yang dihormati di peringkat arena antarabangsa itu, ianya kata beliau akan bergantung kepada pusingan pengetahuan, bahawa the new economy of the 21st century. Abad ke-21 itu sudah ada pada kita di abad ke-20 ini dengan adanya internet dan pengembangan-pengembangan efisien teknologi dan sebagainya, bahawa bagi ekonomi masa depan ianya akan bergantung kepada "the circulation of knowledge", dengan izin.

Maka saya harap Dewan ini bersetuju, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak boleh ketinggalan dalam soal ini dan mendekati isu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris ini dalam soal perdebatan yang sedang mendadak ini, dari segi emosi semata-mata, seperti kata Perdana Menteri yang kita kasihi, bahawa kita harus mendekatinya dengan lebih pragmatik.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua iaitu penggunaan Bahasa Malaysia di sektor swasta, memang benar perlu dibuat. Rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh berbagai bidang seperti bidang media, pengiklanan dan urusan-urusan perniagaan. Di sinilah cabaran kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang sekarang ini diberikan tugas yang

begitu penting untuk memastikan supaya pengembangan penggunaan Bahasa Malaysia di sektor swasta ini dapat diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti sama ada 'paksaan' atau mensyaratkan penggunaan Bahasa Malaysia itu dalam urusan perniagaan di sektor swasta boleh dilaksanakan. Walaupun boleh diadakan syarat-syarat itu sama ada ia boleh dipastikan, di'enforce'kan, dikuatkuasakan, mungkin ini boleh dibuat dalam urusan-urusan rasmi seperti antara swasta dengan kerajaan. Boleh disyaratkan ataupun diambil tindakan untuk menolak apa-apa persuratan yang dibuat dalam bahasa Inggeris, apabila memohon tender, membuat rayuan itu, ini dan sebagainya. Tetapi dalam bilik-bilik mesyuarat lembaga atau board room masing-masing, sewaktu negotiation, dengan izin ataupun dalam perhubungan antara peniaga-perniaga biasa sama ada ini dapat kita kawal selia supaya dilaksanakan apa yang disyaratkan atau dipaksakan itu. Mungkin dapat juga kita lakukan dalam soal pengiklanan bahawa apabila ada permohonan untuk iklan-iklan sama ada di media cetak atau elektronik ataupun dalam papan-papan tanda pihak yang tertentu boleh membuat sesuatu untuk memastikan supaya Bahasa Malaysia digunakan dengan baik dan betul. Kerajaan-kerajaan Tempatan boleh memainkan peranan dalam memberi lesen-lesen untuk papan-papan tanda tersebut, tetapi oleh kerana masalah-masalah yang lebih luas, mungkin ini tidak dapat kita capai secara menyeluruh, melainkan dengan usaha yang lebih gigih termasuk oleh DBP sendiri untuk memperkembangkan prasarana-prasarana, termasuk penterjemahan.

Sebagai contoh, manuals operasi yang sekarang ini semakin teknikal, yang harus disediakan dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu, Bahasa Malaysia dan sebagainya, supaya ianya sampai kepada satu tahap yang lebih mantap. Saya rasa di sini cabaran bagi DBP dan media untuk cuba mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia dan dengan mengulangi, saya juga cadangkan kepada DBP apa yang kita telah lakukan dalam tahun enam puluhan, di mana kita menggalakkan pihak swasta menggunakan Bahasa Malaysia sama ada melalui Minggu Bahasa ataupun Hari Bahasa dan sebagainya. Supaya dalam satu hari ditetapkan sebagai Hari Bahasa itu sebagai contoh, tiap-tiap bulan semua pihak swasta termasuk peniaga kecil dan besar cuba menggunakan Bahasa Malaysia dalam pertuturan mereka sebagai tapak permulaan. Mungkin dengan cara-cara lain termasuk pertandingan serta insentif-insentif lain semuanya haruslah dibincang dan difikirkan oleh DBP sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, semua ini adalah satu perkara yang sungguh rumit ianya memerlukan pilihan antara syarat dan paksaan atau galakan dan promosi, terpulanglah kepada kebijaksanaan DBP, pegawai-pegawai dan ketuanya sendiri untuk memikul tanggungjawab yang sungguh besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang ketiga dalam ucapan saya ini iaitu peranan DBP dalam mengantarabangsakan Bahasa Melayu ini. Saya mengucapkan syabas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang baru-baru ini telah berjaya menganjurkan Kongres Bahasa Melayu Antarabangsa atas tajuk 'Mengantarabangsakan Bahasa Malaysia' ini, yang telah menghasilkan

340 buah kertas kerja dan menimbulkan berbagai hujah yang cukup bernas. Ia telah disebarikan dalam media, juga menjadi bahan bagi DBP untuk menganjurkan satu strategi baru dalam soal memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia ini di peringkat antarabangsa.

Saya tidak ada lain, hanya menyebutkan bahawa usaha DBP menandatangani persefahaman MoU dengan 17 institusi-institusi, itu adalah satu langkah pertama yang baik, bukan sahaja dalam soal mengembangkan Bahasa Malaysia di institusi-institusi tersebut, tetapi juga dalam satu network penyelidikan mengenai Bahasa Melayu itu yang harus kita galakkan.

Saya hanya kawatir bahawa trend yang mungkin dapat kita ubahkan dengan MoU sebegini dan juga kerjasama antara badan-badan antarabangsa, bahawa trend yang sedang berlaku di setengah-tengah negara Barat, di mana jabatan-jabatan ataupun program yang ada kaitan dengan Bahasa Melayu dikurangkan ataupun dimansuhkan.

Sebagaimana yang saya ketahui 2-3 tahun yang lepas di Monash University oleh kerana ada perubahan dari segi pimpinan jabatan itu, dia berpindah khususnya kepada bahasa Indonesia dan bukan kepada Bahasa Melayu yang Allahyarham Saskina dahulu pernah bawa. Di School of Oriental and African Studies (SOAS) di London University, juga ada pengurangan dalam penekanan dalam Bahasa Malaysia ataupun isu berkaitan dengan budaya dan sejarah Melayu. Di Central for Study, di Beckly University juga adalah contoh-contoh yang menunjukkan bahawa minat itu

mungkin oleh kerana sambutan yang terbatas jadi terpaksa ditutup atau diperkecilkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu paradoks bila kita lihat apa yang berlaku sekarang ini. Ianya paradoks kerana semakin hebat dan harum nama Malaysia di seluruh dunia, oleh kerana pencapaian ekonomi kita yang begitu mengagumkan dunia dan juga dengan usaha-usaha Perdana Menteri untuk menembus pasaran baru kita di Afrika, di Asia Timur dan sebagainya. Kita dapati bahawa suara Perdana Menteri tentang bagaimana Malaysia menangani isu-isu dunia ketiga semuanya membawa kepada nama kita yang semakin meningkat dan ramai yang mahu membuat perniagaan bersama kita serta mahu tahu lebih banyak lagi tentang Malaysia dan sebagainya. Maka bahasa dan budaya Melayu itu perlulah kita cuba pertingkatkan minat dan kepentingannya dalam usaha-usaha pengajian tersebut.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin keadaan sudah semakin berubah dengan langkah-langkah DBP baru-baru ini. Maka saya harap kita dalam hal ini dan DBP sendiri, mencari dan membuat satu perancangan di mana mereka dapat menyalurkan dengan lebih hebat minat ini kepada bahasa Melayu, budaya Melayu dan sejarah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa DBP dalam rangka barunya untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di peringkat antarabangsa untuk mengambil inisiatif, untuk menubuhkan cawangan-cawangan DBP di beberapa buah negara luar negeri. Jadi, dengan cara ini seperti dilaungkan oleh

British Council, dilaungkan oleh Allaince Francaise dan Gunther Institute, Dewan Bahasa dan Pustaka akan memainkan peranan untuk memperkenalkan Bahasa Malaysia, malah memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia di peringkat mereka yang berminat, di kalangan peniaga mahupun pelajar di negara-negara seperti Afrika Selatan (South Africa) dan di tempat-tempat lain di negara-negara membangun, juga sebagai satu alat dalam usaha kita, dalam diplomasi kita di negara-negara baru dan juga di negara-negara yang telah maju. Walaupun mereka akan menutupi jabatan-jabatan ini, sekurang-kurangnya kita ada satu cadang Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menegakkan bendera Malaysia dan Bahasa Melayu itu sendiri.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin mencatatkan sokongan saya sepenuhnya dengan pindaan ini yang diajukan kepada DBP. Saya harapkan dengan kuasa yang lebih luas ini, pihak DBP akan dapat menyusun satu pelan tindakan yang menyeluruh bukan sahaja dapat mengembangkan Bahasa Malaysia dalam negeri di peringkat-peringkat dan bidang-bidang yang masih belum diterokai atau masih lagi malap dan lembap penguasaan dan penyertaannya, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Kita harapkan bahawa DBP dan pimpinannya dapat betul-betul mengemblengkan tenaga, bukan sahaja dalam Dewan itu sendiri dan kita kluatir dengan cerita-cerita tentang 7 mazhab dan sebagainya. DBP juga harus bergabung tenaga dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri dalam usaha melaksanakan pelan tindakan ini.

Itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, sumbangan saya kepada perdebatan dan saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gelang Patah.

4.11 ptg.

**Tuan Teu Si @ Chang See Ten (Gelang Patah):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang bagi meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 serta memperluaskan penguatkuasaannya ke negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang sememangnya sebahagian daripada negara Malaysia yang akan menyambut hari kemerdekaannya yang ke-38 dua hari lagi.

Walaupun dari segi geografi negara Malaysia dibahagikan kepada Malaysia Barat dan Malaysia Timur dengan Laut China Selatan di tengah-tengah sebagai pemisah tetapi seiringan dengan kemajuan teknologi, komunikasi serta pengangkutan, pendudukan-penduduk dari Malaysia Barat serta Malaysia Timur telah dapat berhubung dan bergaul dengan kerap dan mudah. Ini telah membawa kepada interaksi dan integrasi yang signifikan yang terus menyumbang kepada pembentukan satu negara bangsa Malaysia sebagaimana yang dirangka dalam berbagai dasar dan rancangan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa seluruh lapisan rakyat Malaysia kini sedang berusaha bersungguh-sungguh ke arah merealisasikan Wawasan 2020 yang menjanjikan kemajuan dan kemakmuran untuk kita semua yang bergelar warganegara Malaysia tidak kira yang berada di Semenanjung mahu pun yang berada di Sabah dan Sarawak. Justeru itu, sudah tibalah

masanya agar sistem pentadbiran, perundangan dan sebagainya diseragamkan untuk semua tempat dalam negara ini agar Malaysia menjadi satu entiti yang lebih utuh dan kejayaan yang dicapai dapat dinikmati oleh semua dengan adil dan saksama.

Bertolak dari hujah ini maka pindaan yang dilakukan ke atas Akta Dewan Bahasa dan Pustaka bolehlah dilihat sebagai satu inisiatif yang murni ke arah memperkukuhkan perpaduan seluruh rakyat Malaysia dan seterusnya menjadikan perjuangan kita menuju abad ke-21 lebih bererti.

Tuan Yang di-Pertua, ada ketika wujudnya kecurigaan pada pihak-pihak tertentu tentang kedudukan Bahasa Kebangsaan sekiranya pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah ditekankan semula. Pemindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 yang memasukkan dua tujuan baru iaitu menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul dan menggalakkan penggunaannya yang lebih meluas amatlah tepat pada masanya.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris merupakan satu bahasa komunikasi dan teknologi yang penting dalam konteks antarabangsa pada masa ini dan para pemimpin negara yang menyedari hakikat ini telah mengesyorkan agar pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah pada semua peringkat dapat dititikberatkan demi kemajuan negara.

Pada saya, cadangan atau tindakan sedemikian memanglah wajar sejajar dengan tuntutan zaman. Sungguhpun demikian, dengan mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tidaklah bererti pemimpin kita telah atau berhasrat mengeneipkan Bahasa Kebangsaan.

Tuan yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Berhormat Perdana Menteri yang kini telah muncul sebagai jurucakap dan pembela negara-negara dunia ketiga tidak akan menggadaikan Bahasa Kebangsaan atas nama pembangunan. Sesungguhnya dengan meminda dan menyuntikkan dua tujuan baru Lembaga ke dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 telah menjamin atau mempertahankan kedudukan Bahasa Kebangsaan daripada digugat. Setelah pemindaan Akta tersebut, Bahasa Kebangsaan akan menikmati satu persekitaran yang lebih sempurna untuk terus berkembang dan digunakan dengan betul lagi meluas di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sama-samalah kita renungkan apakah ertinya jika hasrat negara Malaysia menjadi pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini menjadi kenyataan tetap bahasa asing merupakan bahasa utama dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Sekiranya ini adalah apa yang akan berlaku pada masa depan, Malaysia hanyalah boleh dianggap berjaya meniru model pembangunan negara-negara barat.

Menjelang perayaan Hari Kemerdekaan yang ke-38 kita perlulah menghayati makna kemerdekaan yang sebenar. Malaysia bukan sahaja harus merdeka dari segi fizikal atau pentadbiran tetapi kita juga perlu merdeka dari segi spiritual atau pemikiran.

Adalah satu kenyataan bahawa bahasa Inggeris kini menjadi faktor dominan dalam penyebaran ilmu pengetahuan, tetapi ini tidak bererti bahasa Inggeris akan berkuasa selamanya terutamanya di rantau ini. Buat masa ini kita terpaksa mempelajari bahasa Inggeris sebagai satu pendekatan untuk menggerudi ilmu pengetahuan yang sebahagian besarnya

didatangkan dari barat. Pada masa yang sama kita sepatutnya lebih prihatin dan proaktif terhadap perkembangan dan kemajuan Bahasa Kebangsaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia perlulah berjiwa besar. Kemajuan kita tidaklah harus berhenti setakat dapat menguasai bahasa atau ilmu pengetahuan dari barat. Sebaliknya kita perlu mensintesiskan sesuatu yang baru daripada ilmu pelajaran yang dipelajari dan pada masa yang sama mempromosikan Bahasa Kebangsaan kita bukan sahaja sebagai bahasa kebudayaan tetapi juga sebagai bahasa ilmu dan bahasa teknologi.

Selama ini Dewan Bahasa dan Pustaka telah melaksanakan berbagai rancangan untuk memperkayakan Bahasa Kebangsaan.

Kita patut mempelbagaikan fungsinya dalam kegiatan harian rakyat Malaysia. Usaha-usaha murni Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa yang lepas perlulah disanjung tinggi. Dan rancangan-rancangan yang akan disusun pada masa depan bagi memastikan kesinambungan perkembangan Bahasa Kebangsaan haruslah diberikan sokongan yang sepenuhnya oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu sedar bahawa taraf yang dinikmati oleh bahasa Inggeris pada hari ini telah mengambil satu tempoh masa yang panjang dalam menuju kesempurnaan dalam penggunaannya. Berbanding dengan Bahasa Kebangsaan, kita yang cuma dikembangkan dengan sistematik selepas hari kemerdekaan yang masih belum sampai masa 40 tahun, tetapi telah mampu muncul sebagai bahasa pengantar dari sekolah rendah sampailah kepada pusat-pusat pengajian tinggi. Ini sudah merupakan

satu pencapaian yang mem-berangsangkan. Oleh yang demikian, kita perlu bersikap lebih berani dan bersungguh-sungguh untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan kita ke satu bahasa terunggul di dunia suatu hari nanti.

Tuan yang di-Pertua, untuk mencapai taraf keunggulan sesuatu bahasa itu perlu tahan diuji. Justeru itu, kita tidak perlu bimbang Bahasa Kebangsaan akan tergugat jikalau penggunaannya bahasa Inggeris diperbanyakkan di institusi-institusi pengajian tinggi, sebaliknya apa yang sepatutnya dilakukan ialah kita perlu merancang strategi yang sempurna untuk terus memperkembangkan dan menggalakkan penggunaan yang betul dalam Bahasa Kebangsaan. Cadangan Kementerian Pendidikan untuk menjadikan Bahasa Kebangsaan satu mata pelajaran yang wajib di kolej-kolej swasta adalah satu langkah yang amat positif dan proaktif dalam konteks ini.

Tuan yang di-Pertua, saya berharap rakyat Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan akan mendapat peluang dan kemudahan yang lebih besar untuk mengenali dan menguasai Bahasa Kebangsaan berikutan pindaan dilakukan ke atas Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Saya juga yakin bahawa Bahasa Kebangsaan Malaysia berpontensi untuk menjadi satu bahasa yang mendapat kedudukan di pentas antarabangsa satu hari kelak, sekiranya terdapat rancangan yang sistematik untuk menggalakkan dan memperluaskan Bahasa Kebangsaan dengan betul dan menyeluruh.

Dengan pandangan dan komen tersebut, saya pohon menyokong pindaan Akta Dewan Bahasa dan

Pustaka 1959 demi kepentingan rakyat jelata berbilang kaum di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Bandau.**

4.42 ptg.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau):** Terima kasih, Tuan yang di-Pertua, memberi peluang pada saya untuk membahaskan akta ini untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 dan memperluaskan khusus bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dan isi-isi kandungan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya memang kita mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana mengambil langkah untuk meminda akta ini yang belum pernah dilakukan semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1959, dan tepat pada masanya, khususnya untuk memperluaskan akta tersebut bagi negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dua hari lagi negara Malaysia akan menikmati lebih kurang 38 tahun merdeka, dan bagi negeri Sabah dan Sarawak 32 tahun. Memang barangkali akta ini sudah lambat sebenarnya untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Namun demikian, kita mesti ucapkan syabas kepada kerajaan atas tindakan ini. Dengan harapan seperti mana yang telah pun diutarakan dalam rang undang-undang ini akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara untuk memperluaskan akta ini terus kepada negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, kita sedia sedar bahawa walaupun akta pindaan baru kali ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kita sedia maklumkan

juga Dewan Bahasa dan Pustaka sudah pun berfungsi di negeri Sabah dan Sarawak dalam awal tahun 70-an lagi, dan telah menjalankan aktiviti-aktiviti menggalakkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dan juga dari segi tugas-tugasnya dalam bidang penerbitan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dalam menjalankan tugas itu khususnya beberapa tahun yang lampau ini sudah menurun, bukan seperti mana yang telah dilakukannya pada tahun 70-an khususnya, di mana banyak aktiviti-aktiviti penerbitan, mengadakan pertandingan-perandingan syarahan dan perbahasan untuk mengamalkan dan menggalakkan lagi penggunaan bahasa kita. Tetapi pada masa-masa yang khusus kira-kira lima tahun yang lalu ia seolah-olah menjadi satu badan wujudkan sahaja satu hole, dengan izin, begitu low case sama sekali.

Kita berharap maka dengan adanya perubahan ataupun pemindaan akta ini dan untuk memperluaskan tanggungjawab bahawa aktiviti-aktiviti dan semua tugas yang diberi kepadanya akan lebih lagi diperluaskan, khususnya dalam kedua-dua negeri tersebut dan Wilayah Persekutuan Labuan. Memang juga dengan adanya perubahan dan pemindaannya kepada akta ini, merangkumi kedua negeri ini dan Wilayah Persekutuan, ini tepat kepada keinginan kerajaan untuk mencapai integrasi nasional dan ia diluluskan pada suatu atau dua hari sebelum kita pada tahun ini menyambut hari Kebangsaan bagi negara kita, saya rasa adalah satu yang tepat juga pada masanya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan di seluruh negara kita dan khususnya di

negeri Sabah dan Sarawak, sebenarnya kita merasa bangga sekali, kerana walaupun seperti mana Yang Berhormat sebelum saya berucap tadi, bukan yang satu lagi, mengata bahawa dengan adanya pemindaan kepada akta ini bahawa harapan supaya penggunaan bahasa di sebelah Timur di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan akan dapat diperluaskan, sebenarnya bagi tinjauan saya, Penggunaan Bahasa Kabangsaan kita di kedua-dua negeri tersebut lebih luas digunakan daripada di Semenanjung, khususnya di luar bandar. Dia menjadi satu bahan perhubungan, dan memang lebih lagi luas perlu dilakukan sampai Bahasa Kebangsaan kita digunakan dalam gereja-gereja sebagai bahasa pertuturan dan bahasa untuk beragama. Ini sebenarnya pencapaian yang memuas sekali.

Awal tadi, Yang Berhormat dari Wangsa Maju mengatakan bahawa pihak-pihak pembangkang pun begitu fasih menggunakan, saya tidak mengerti. Adakah dia rasa bahawa pihak Barisan Nasional sahaja, back-benchers sahaja boleh menggunakan bahasa. Dia nampak kawan-kawan di sini bahawa barangkali dia masih menyangka pihak kami lebih mendahului handal berbahasa daripada beberapa banyak back-benchers Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu kemajuan. Maka dari segi perkara yang disentuh lebih awal oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, khususnya beberapa cadangan supaya Bahasa Malaysia ini ditukar nama kepada Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin supaya pihak kerajaan dan pihak kementerian haruslah berjaga-jaga dan saya mengatakan syabas kepada pihak

kerajaan dan pihak kementerian yang begitu tegas pendiriannya dalam perkara ini. Saya ingat lagi di awal tahun 60-an selepas tahun 1963 kita dibangku sekolah dan baru mulai untuk pergi ke sekolah. Waktu itu, negara Malaysia baru ditubuhkan dengan negeri Sabah dan Sarawak dan Singapura pada waktu itu mengambil bahagian dalam gagasan Malaysia. Kita baru hendak pergi ke sekolah dan bapa bilang: "Mahu pergi ke sekolah rendah aliran Bahasa Melayu?" Kita bilang: "Tidak! mahu pergi sekolah misi—bahasa Inggeris, sebab Bahasa Melayu itu bukan bahasa kita, itu bahasa orang Melayu." Bapa bilang: "Tidak, ini Bahasa Malaysia, ini bahasa kita." Dan kita pergi ke sekolah rendah aliran Bahasa Malaysia dan 30 tahun kemudian pihak pejuang-pejuang bahasa, pihak intelek khususnya para intelektual pula membuat satu cadangan untuk mengatakan harus digantikan perkataan itu kepada Bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa ini satu langkah 'retrogressive', satu langkah ketinggalan zaman, satu langkah yang tidak akan menguntungkan keseluruhan rakyat Malaysia kerana, 'is a backward step', dengan izin. Dan pada zaman kita mengatakan menubuhkan bangsa Malaysia, satu bangsa, satu budaya, satu bahasa dan pada masa yang sama kita mengambil pandangan yang sempit untuk sekadar sebagai pihak pejuang-pejuang bahasa supaya nama Melayu itu disebut, saya percaya ini tidak akan merugikan keseluruhan. Kita semua tahu Bahasa Malaysia itu berasas kepada Bahasa Melayu tetapi itu bukan bahasa orang Melayu sahaja, bukan bahasa saya, tetapi bahasa kita keseluruhannya.

Maka dengan itu, haruslah kita berjaga-jaga supaya pandangan-pandangan itu lebih luas dan tujuan untuk membentuk perpaduan dan memperkukuhkan pencapaian negara dalam bidang integrasi nasional setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya ingin menyentuh juga peranan Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya dengan ada pemindaan akta ini supaya aktiviti-aktiviti yang lebih luas daripada yang dilakukan sekarang dipertingkatkan khususnya bagi negeri-negeri yang dimasukkan dalam perubahan khusus akta ini iaitu negeri Sabah dan negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kerana walaupun pencapaian kita sudah luas, sudah banyak tetapi di luar bandar khususnya dari segi kemudahan penggunaan bahasa yang tepat, yang betul maka aktiviti-aktiviti seperti mengadakan pertandingan, 'sponsor', dengan izin, badan-badan pelajar, mengadakan pertandingan syarahan, pertandingan perbahasan dan banyak jenis-jenis lagi yang boleh menggalakkan Bahasa Malaysia harus disokong dan diperluaskan. Pada saat-saat ini Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka di kedua-dua negeri bagi orang yang biasa, orang awam, dia kelihatan tidak menjalankan fungsi yang lain daripada bahan rujukan, apa istilah untuk ini, apa istilah untuk itu. Jadi, kalau sekadar untuk itu sahaja pandangan umum kepada fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka, maka saya percaya dia perlu diubahsuai dan perlu dipertingkatkan lagi sesuai dengan keinginan akta yang sedang diperbahaskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara tersebut, kita juga inginkan Dewan Bahasa dan Pustaka supaya selain daripada fungsinya dari segi penerbitan, membentuk istilah-istilah dan yang lain-lain supaya

khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak, supaya DBP mempunyai pendirian yang lebih luas dan dari segi tugasnya menyelidik, mencari istilah-istilah baru supaya perkataan-perkataan khususnya mengganti perkataan-perkataan bahasa Inggeris daripada Sabah dan Sarawak, daripada budaya asli di sana, daripada perkataan-perkataan dari beberapa suku kaum di sana seperti Kadazan, Dusun dan Iban harus diambil kira supaya daripada menggunakan bahasa Inggeris di dalam terminologi di dalam sesuatu ayat, maka kita harus cari dari segi yang lebih asli daripada bangsa-bangsa lain yang bercantum di bawah bangsa Malaysia keseluruhannya. Sebab saya percaya, ada perkataan-perkataan yang lebih sesuai digunakan daripada perkataan-perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya, saya ingat satu daripada perkataan Iban dalam bentuk diskusi, bahasa Inggeris ada yang menggunakan diskusi bagi 'discussion', dengan izin, dan satu perkataan bernama 'beghandau'—ini digunakan oleh orang-orang Iban, kalau mereka duduk di rumah panjang dan bercerita dan ini dikatakan 'beghandau'. Jadi, daripada menggunakan perkataan 'diskusi', kita cari perkataan yang lebih asli yang boleh juga membanggakan negara dan bangsa-bangsa lain bahasa daripada meminjamkan daripada negara-negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu lalu saya minta hantarkan kereta di sini, dan saya bilang minta hantarkan saya ke Bangunan Parlimen, dia bilang: "Tahu di mana Bangunan Parlimen?" "Oh!" Dia bilang: "Itu tempat cakap-cakap". (*Ketawa*) Itu sahaja yang dia tahu, dia tidak tahu apa itu "Parlimen", dia bilang: "itu tempat cakap-cakap". Jadi, barangkali

itu tidak salah juga, Parlimen itu satu perkataan Inggeris dan Dewan Rakyat ialah translasi yang tepat tetapi saya percaya ini di antara yang boleh kita ambil kira. Saya percaya memang Bangunan Parlimen lebih besar tugasnya, fungsinya dan imejnya daripada 'tempat cakap-cakap'. Mudah-mudahan itu tidak pula menjadi pandangan orang awam terhadap peranan kita di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga peranan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membantu, saya percaya bahasa-bahasa lain khususnya bahasa-bahasa yang baru ingin dimasukkan sebagai bahasa penghantar di peringkat sekolah sebagai POL language, mata pelajaran POL. Dalam konteks ini, saya ingin sentuh bahasa Kadazan, Dusun dan kita berasa berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana pada dasarnya telah meluluskan supaya ini digunakan sebagai satu bahasa penghantar, loghat bahasa untuk dipilih oleh pelajar sebagai bahasa POL (language) di sekolah. Pada saat ini kita difahamkan bahawa belum tentu bila dapat dimulakan kerana mata pelajaran tersebut belum lagi selesai dikaji dari segi 'syllabus', dengan izin, isi kandungannya.

Saya percaya di sini pihak Dewan Bahasa dan Pustaka boleh membantu di dalam perkara ini dari segi pakar mereka, apa yang harus dimasukkan kerana bahasa Kadazan dan Dusun ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak sub-language, dengan izin, banyak 'dialect' dan kadang-kadang daripada persatuan-persatuan yang terlibat tidak ada satu pandangan, mana satu istilah yang digunakan untuk sesuatu perkataan yang ingin dimasukkan. Jadi, sebagai satu badan yang bebas, saya percaya badan DBP boleh mengambil bahagian juga di dalam perkara membentuk dan membantu bahasa-

bahasa yang lain khususnya yang dijadikan sebagai bahasa untuk diajar di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, kita harap pihak kementerian akan mengambil juga tindakan yang cepat supaya bahasa ini dapat dimulakan di sekolah-sekolah secepat mungkin dan ada juga rayuan pada saat ini supaya ia harus mulai diajar di peringkat maktab-maktab perguruan, supaya cikgu-cikgu diajar untuk menguasai bahasa ini dan seterusnya untuk menjadi bakal-bakal cikgu apabila ia dimulakan di peringkat sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dari segi menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia, di mana ia akan bertindak sebagai badan yang berkuasa dalam perkara ini. Seperti Ahli Yang Berhormat lain yang telah menyentuh bahawa kita harus fikir akibatkan dari segi perkara paksaan dan perkara galakan, sebab melalui Akta ini Dewan Bahasa dan Pustaka diberi kuasa untuk memastikan penggunaan bahasa Malaysia itu adalah dengan betul dan tepat dan akan menggunakan langkah-langkah yang memaksa, maka saya percaya itu tidak akan membawa akibat yang akan lebih menggalakkan penggunaan bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, tugasnya yang khusus dari segi penggunaan yang betul dan sebutan yang betul. Penggunaan yang betul, seperti mana yang diajar di sekolah-sekolah dan di peringkat institusi pengajian tertinggi itu adalah wajar, tetapi dari segi sebutan bahasanya saya percaya ini satu pengkayaan bagi negara Malaysia juga di mana bagi negeri lain sesuatu

perkataan itu disebut berlainan. Kalau orang di Sabah dan Sarawak, kita 'bilang' begini cakap kita—saya "saya", tetapi kalau di Semenanjung, 'saye'. Jadi, kalau kita didenda kerana kita tidak 'pronounce', dengan izin, sebutkan dengan cara yang seharusnya, saya percaya itu juga tidak akan menggalakkan penggunaan keseluruhan bahasa kita.

Jadi, kita tidak harus merasa terlalu khuatir tentang sebutan lain daripada sebutan yang standard, dengan izin, penggunaannya, khususnya barangkali di peringkat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah, tetapi dari segi penggunaannya mengikut daerah, ini satu kekayaan bagi negara kita. Di Kelantan, di Melaka, di Johor dan di Sabah dan Sarawak, sesuatu perkataan itu disebut barangkali berbeza-beza, tetapi tidak semestinya itu salah kerana itu harus dianggap sebagai satu kekayaan bahasa kita. Saya berharap tidaklah nanti Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan langkah-langkah mendenda atau pun cara-cara yang tidak akan menggalakkan penggunaannya demi untuk membanteras perkara sebutan dan yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara lagi yang saya ingin sentuh berkaitan dengan Akta ini iaitu tentang tanggungjawab Lembaga Pengelola Bahasa, bahawa sesuai dengan pindaan akta ini, bagi Sabah dan Sarawak harus ada wakil yang duduk di dalam Lembaga Pengelola supaya mereka ini haruslah yang pakar dari segi bahasa dan boleh memberi sumbangan kepada aktiviti, fungsi, tujuan dan matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka. Harus ada perwakilan yang duduk di Lembaga supaya mereka boleh memberi sumbangan kepada matlamat Lembaga dan pada masa yang sama mewakili penggunaan bahasa di negeri Sabah dan Sarawak. Jadi, saya berharap

supaya pihak kementerian dan pihak kerajaan akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan Akta ini yang membolehkan akta ini memperluaskan aktiviti-aktiviti DBP ke Sabah dan Sarawak dan ke seluruh negara amnya, dan dengan keputusan kerajaan untuk menubuhkan Universiti Malaysia di Sabah, setakat ini fakulti-fakulti yang ditubuhkan adalah fakulti yang berasaskan Sains dan sedikit Sains Sosial. Dalam bahagian Sains Sosial harus difikirkan penubuhan Pusat Bahasa di universiti tersebut memandangkan kekayaan bahasa oleh bangsa-bangsa yang lain di negeri Sabah dan Sarawak. Pada masa dahulu kajian technographic telah pun dilakukan begitu luas oleh pihak Universiti Kebangsaan di cawangan Sabah, jadi ada precursor, dengan izin, untuk memulakan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan bahasa. Saya tahu juga ada 'chair' di Universiti Malaya dalam bahasa Iban, jadi, tidak ada sebab tidak ada 'chair' bagi bahasa-bahasa yang belum lagi dipandang sebagai bahasa utama.

Jadi, kita berharap dengan adanya penubuhan Universiti Malaysia di Sabah perkara language centre untuk memberi peluang kepada para penyelidik, para cendekiawan dan para pelajar-pelajar yang ingin membuat kajian dan menambahkan kemahiran dari segi penerbitan bahasa-bahasa yang lain diambil kira oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya Akta ini harapan bagi pihak awam dan kita semua begitu besar sekali supaya DBP akan muncul kembali sebagai satu badan bukan sahaja di negara kita tetapi di peringkat antarabangsa sebagai satu badan

rujukan tetapi juga sebagai badan penyelidik, dan satu pusat penerbitan dan satu pusat yang inovatif dari segi penggunaan bahasa kita bagi bangsa keseluruhan dan bagi pihak negara juga yang ingin mempelajari bahasa kita.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu dalam perkara ini, seperti mana yang kita sedia maklum, banyak pelajar kita di peringkat antarabangsa yang belajar di beberapa negara asing untuk mendapatkan ijazah mereka, tetapi setakat ini bahasa Malayisa tidak ditawarkan sebagai satu bahasa yang boleh diambil oleh pelajar-pelajar. Kita tahu kalau tamat dengan ijazah, balik ke negara kita, tetapi kalau tanpa tamat Bahasa dengan kredit dalam SPM—tidak boleh bekerja dengan kerajaan. Itu adalah satu syarat asas. Maka di negeri-negeri ini, bahasa Indonesia menjadi bahasa pilihan bagi pelajar-pelajar kita. Tetapi itu tidak di 'recognise', dengan izin, oleh pihak kementerian sebagai setaraf dengan bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan memikrkan perkara ini supaya pelajar-pelajar yang belum tamat tingkatan lima atau belum tamat bahasa Malaysia pada peringkat SPM boleh mereka mengambil di negeri-negeri lain supaya pelajar-pelajar ini dapat kelulusan yang direstui oleh kerajaan sebagai satu matapelajaran yang mereka ambil di negara-negara lain seperti di Australia, Amerika dan juga di negara-negara lain yang mana kebanyakan pelajar-pelajar kita tertumpu.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita adalah besar. Akhir dengan adanya akta ini akan membentuk lagi imej Dewan Bahasa dan Pustaka dengan harapan supaya pihak Kementerian dan juga dengan Menteri yang baru,

yang banyak idea baru dan inovasion yang baru supaya penggunaan keseluruhan bahasa kita di peringkat negara dan negeri dan di peringkat antarabangsa lebih diperluaskan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Kepong.**

4.49 ptg.

**Dr. Tang Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya telah menunggu dengan lama untuk mengambil bahagian dalam perdebatan Rang Undang-undang ini. Nampaknya Yang Berhormat Menteri telah berhujah dengan tepat mengenai 9 fungsi yang bakal dilaksanakan dengan adanya pindaan ke atas Rang Undang-undang ini.

Soalannya sekarang ialah sama ada perkembangan dan kemajuan yang dicapai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka setimpal atau tidak dengan keperluan semasa, tenaga yang dicurahkan, kos yang dibelanjakan dan tujuan yang telah dihasratkan. Memang, ini adalah ketika yang baik untuk meninjau dan mencari jawapan kepada semua persoalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan Dasar Bahasa dan juga Dasar Pendidik, saya nampak Yang Berhormat Menteri setelah menjadi Menteri Pendidikan ada membuat beberapa pengumuman yang baik termasuk hasrat untuk menggubal satu Dasar Pendidikan, satu akta yang baru yang setimpal dengan keperluan semasa, terbuka dan liberal. Cuma saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat berhati-hati di dalam pelaksanaannya kerana pelaksanaannya tidak boleh dilakukan dengan mendadak. Kita mesti mengkaji semua kelemahan-kelemahan yang ada

termasuk tenaga pengajar, kelengkapan dan semua infrastruktur yang diperlukan. Saya pernah membangkit kepada Yang Berhormat mengenai satu pelaksanaan 3M pada tahun 1981 yang dilakukan dengan begitu mendadak sehingga menjejaskan pelaksanaannya.

Tuan yang di-Pertua, pada masa sekarang semua kaum menerima Bahasa Kebangsaan Malaysia dan inilah tapak permulaan untuk mewujudkan bangsa Malaysia—Malaysian Malaysia. Masyarakat berbilang kaum dan bahasa di Malaysia, tanpa dipaksa menerima Bahasa Malaysia. Sebab itu saya di dalam beberapa tahun dahulu sudah pun menulis kepada DBP, mengapa di dalam buku-buku teks, di dalam upacara perasmian dan sebagainya, dengan tidak berdebat, berbahas di dalam Dewan yang mulia ini, ia dengan sendiri menggunakan Bahasa Melayu balik, balik ke pangkal—Bahasa Melayu.

Saya pernah menulis dan dalam hal ini, jawapan dari DPB tersangatlah malang kerana tidak ada jawapan langsung. Mungkin selepas Rang Undang-undang ini dengan skop dan fungsi yang diperluaskan, jawapan kepada surat orang ramai boleh dilakukan oleh DBP.

Tuan yang di-Pertua, saya bersetuju dengan beberapa rakan tadi yang mengatakan tidak payah kita hendak ubahkan istilah. Semua orang terima dan saya percaya dan tidak boleh dinafikan Bahasa Kebangsaan Malaysia akan menjadi salah satu bahasa utama di dunia. Cuma sebelum saya meneruskan perbincangan saya ialah tiap-tiap saya ke luar negara sama ada ke United Kingdom ataupun Australia ataupun Thailand dan juga termasuk Singapura, bila disebutkan mengenai bahasanya, mereka menyebutkan

bahasa Indonesia, bukan bahasa Melayu ataupun bahasa apa sahaja—bahasa Indonesia.

Mereka ada menyebarkan mengenai bahasa Indonesia dengan aktif. Di Australia misalnya, kalau kita dengar Radio Australia, itu bukan Bahasa Malaysia—bukan. Bukan bahasa Melayu yang digunakan tetapi bahasa Indonesia dengan Bung Suharto. Kalau Yang Berhormat Menteri ada mendengar Radio Indonesia ataupun Radio Australia dari Melbourne, Yang Berhormat pun boleh tahu, ini bahasa Indonesia.

Kalau kita kaji seluruh negara di dunia termasuk Amerika Syarikat, bahasa yang dipilih bukan Bahasa Malaysia. Dia pilih bahasa Indonesia dan kerusi-kerusi yang diadakan di institut pengajian tinggi mereka biasanya bahasa Indonesia.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh. Dari mana?

**Tuan Noh bin Omar:** Tanjong Karang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Karang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tanjong Karang? (*Menyampuk*) (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak beri jalan atau tidak? Sila, Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Tadi Yang Berhormat dari Kepong ada menyebut bila berjumpa dengan orang Indonesia dia bercakap mengenai bahasa Indonesia. Jadi, saya inginkan penjelasan. Ada atau tidak Yang Berhormat bertanyakan nama orang

Indonesia ini? Kalau dia ini bukan pribumi Indonesia, mungkin dia ini keturunan Cina. Adakah nama dia itu, dia gunakan nama Cina ataupun guna nama Indonesia?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soal itu tidak timbul kerana di Indonesia, dia baru sahaja menyambut kemerdekaan dan mereka di dalam akhbar, kita tahu dia sebutkan bahasa Indonesia. Sama ada ditutur ataupun digunakan oleh orang Jawa, Sumatera ataupun di seluruh kepulauan atau nusantara Indonesia. Dia tidak sebutkan siapa yang bertutur. Tidak sebut langsung tetapi kalau kita bertemu dengan orang Indonesia, biasanya bukan keturunan Cina kerana dia hanya 6 juta berbanding dengan 180 juta sekarang orang Indonesia. Kalau kita bertemu, memang keturunan Jawa yang kebanyakannya majoriti.

**Tuan Noh bin Omar:** Memang begitu kerana. . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bilangan penduduk. Jadi, soal keturunan tidak timbul. Di Tanjong Karang memang ada yang berasal dari Jawa pun banyak juga.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di Tanjong Karang walaupun berasal dari Jawa, tetapi nama, nama Melayu dan saya hendak tanya tadi ini bahasa termasuk budaya. Di Indonesia walaupun keturunan Cina tetapi dia tidak menggunakan nama asal bangsa asalnya. Kalau nama dia orang Cina tetapi semua ditukar kepada nama Indonesia yang melambangkan budaya Indonesia tetapi di Malaysia, terutama di Kepong masih lagi menggunakan

nama asal. Mengapa tidak gunakan nama 'Rudy', yang nampak 'sound' Melayu sedikit?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua . . .

**Tuan Noh bin Omar:** Mengapa soal bahasa hendak ditimbulkan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soal itu tidak timbul. Saya cuma hendak membincangkan dengan yang berhormat Menteri mengapa kerajaan Indonesia menyebarkan bahasa Indonesia.

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bangun pula, Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Berhormat dari Kepong ini yang bercakap dan mengambil contoh dari Indonesia. Sebab saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat. Di Indonesia itu dia gunakan bahasa Indonesia kerana segala budaya termasuk nama asal keturunan Asia pun gunakan nama Indonesia tetapi berlainan di Malaysia. Oleh itu kita mesti gunakan juga nama Bahasa Melayu sebab keadaan kebudayaan di sini berbeza sedikit dengan Indonesia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat memberi penerangan, bukan meminta penerangan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, dia memang orang baru, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak, sebab dia tidak faham. Itu sebab saya kena beri penerangan pada dia. Kalau dia faham, saya hendak tanya dia. Ini dia tidak faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia orang baru.

**Tuan yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Walau bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk memperbaiki atau mempertambahkan fungsi-fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka, kita mesti fikir di dalam dunia antarabangsa, apakah yang dibuat oleh pihak negara Indonesia.

Kerana mereka mempunyai penduduk yang begitu ramai—10 kali ganda penduduk Malaysia dan dasar mereka diantarabangsa mengenai bahasanya dan sebagainya. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang mencadangkan supaya kita adakan cawangan DBP di seberang laut. Ini satu langkah untuk menyebarkan bahasa Malaysia (BM).

Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada bertikam lidah dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong dan juga Hulu Langat dan di dalam ucapan Yang Berhormat Parit yang Sulong ini, selama 14 minit, saya ada bilang perkataan English yang belum lagi diterima oleh DBP adalah sebanyak sekurang-kurangnya 36 perkataan Bahasa Inggeris seratus peratus.

Saya tidak mengatakan itu salah. Bukan satu kesalahan kerana ini amalan dia—tabiat atau tabii dia, saya tidak mempertikaikan. Cuma di dalam penggunaan bahasa ini, kita mesti anggap amalan orang itu bolehlah diterima. Saya tidak membidas dan tidak mengkritik dia. Cuma saya membangkitkan hal ini kerana kedua-duanya—Hulu Langat dan juga Parit yang Sulong membidas saya mengenai sikap saya terhadap bahasa Melayu dan Bahasa Malaysia dan juga penggunaan istilah dan perkataan kosa kata ataupun perbendaharaan kata. Kosa kata, walaupun digunakan, tetapi ini bahasa Indonesia—kosa kata. Termasuk

'wahana' yang digunakan oleh Yang Berhormat semalam, satu perkataan, 'wahana', di dalam kamus Dewan tidak nampak pun.

Cuma di dalam kamus besar bahasa Indonesia yang saya dapati bersama-sama bila saya pergi dengan Tuan Yang di-Pertua beberapa tahun yang lalu, saya dapat kamus besar bahasa Indonesia—di dalamnya ada perkataan 'wahana' iaitu alat pengangkut ataupun kenderaan untuk berkomunikasi. Wahana—ada sekarang.

**Menteri Pendidikan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Kamus Dewan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kamus Dewan sudah ada sekarang? Edisi baru?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Edisi tahun 1986 tidak ada lagi! (*Ketawa*) 1986 tidak ada lagi. Ini baru masuklah! Baru masuk! Walau bagaimanapun, 1986 tidak ada. Sebelum 1986 tidak ada. Ini Edisi 1995?

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Yang ketiga, yang terbaru.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang terbaru! Ada kemajuan. Memang ada perkembangan dan ada kemajuan. Memang ada. Kita tidak boleh mempertikaikan kerja yang dibuat oleh DBP, tidak boleh dipertikaikan. Malah, kita mengucapkan syabas kepada DBP yang berjaya untuk menganjurkan satu conference atau satu Persidangan Bahasa Malaysia Antarabangsa.

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, dia hendak tuntas atau hendak selesai? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat . . . Yang Berhormat Kepong, hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih kerana Yang Berhormat Kepong memberi laluan. Saya cuma hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Kepong, oleh kerana Yang Berhormat Menteri telah pun menunjukkan kamus adanya istilah-istilah Yang Berhormat Kepong kata tak ada, saya hendak bertanya, sudahkah Yang Berhormat jumpa perkataan 'tuntas' dalam kamus kita sebab bukti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Kepong mengatakan tadi, kamus 1986, membuktikan Yang Berhormat macam satu dekat terkebelakang! (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua, Hulu Langat ini, 'tuntas' tidak ada lagi. 'Tuntas' tidak ada lagi. Sudah ada? Sudah ada?

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Yang Berhormat tengok kamus tahun berapa? (*Ketawa*)

**Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan yang di Pertua, ada 'Tuntas' memang ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada dah? Tetapi 1986 punya, tak ada! (*Ketawa*)

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Itulah yang Berhormat ketinggalan 10 tahun!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan 10 tahun. Edisi yang pertama saya dapat; edisi yang kedua dan dwi-bahasa, satu tahun yang lepas saya dapat. Yang ketiga, baru sahaja keluar!

**Tuan Noh bin Omar:** (*Bangun*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tanjung Karang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Noh bin Omar:** Saya minta satu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Kepong, adakah Yang Berhormat hendak free satu naskah baru Dewan Bahasa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tanjung Karang, itu bukan soalan, Yang Berhormat! (*Ketawa*) Sila Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Walaupun bukan soalan, saya mengalu-alukan! (*Ketawa*) Hendak beri saya percuma?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjung Karang minta orang lain yang beri, bukan dia yang hendak beri! (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, dia tak mahu beri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tak beri.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak Beri? Lokek, kedekut, bakhil! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, memang orang yang pertama yang menyusun kamus Dewan itu ialah Teuku Iskandar daripada Indonesia dan kebanyakan perkataan pun berasal dari Jawa. Orang Jawa, dia tidak kata ini bahasa Melayu. Dia kata bahasa Jawa. Jawi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Pokok Sena bangun, Yang Berhormat .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Angsana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pokok Sena, bukan Pokok Angsana.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia Angsana, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Pokok Sena. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Pertama, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong, bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan juga Bahasa Malaysia—sama. Begitu juga dengan bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan Indonesia dan juga bahasa Indonesia, sama juga. Itu yang pertama yang saya hendak tanya. Adakah sama perkara ini?

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada percakapan Yang Berhormat semalam, Yang Berhormat kata, "saya bertutur dalam bahasa ini, iaitu Bahasa Melayu, banyak tahun. Ini saya pun sokong, saya ada selalu. Dan itu bahasa saya. Bahasa yang dituturkan dalam Dewan ini bahasa saya! Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, ada seorang Pakistan, beranak di London, warganegara Britain, bercakap bahasa Inggeris, adakah bahasa Inggeris adalah Bahasa Kebangsaan di Britain? Adakah Bahasa Inggeris itu bahasa Pakistani yang berkenaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kadangkala soalan itu baik juga. Bagi seseorang yang bertutur di dalam bahasa Inggeris, seorang yang berketurunan Pakistan itu, bahasa dia. Kerana bahasa boleh disebutkan sebagai wahana, sebagai alat pengantar dan alat untuk berkomunikasi. Kalau saya menguasai bahasa itu, itu bahasa saya!

Cuma, kalau Hulu Langat hendak bahasa daerah, bahasa basahan, itulah dikatakan bahasa dia! Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia sekarang, bahasa baku dan tak banyak

orang boleh menyebutkan di dalam bahasa baku! Tak banyak, termasuk Hulu Langat! Ada loghat Hulu Langat juga! Itulah yang dikatakan bahasa dia. Saya tak setuju juga. Tetapi bahasa dia, bukan semestinya Bahasa Malaysia. Itu bahasa Hulu Langat! Banyak bahasa daerah. Kita pun menggalakkanlah kerana dengan kepelbagaian bahasa daerah dan bahasa basahan dan sebagainya, kita dapat mewujudkan satu bahasa yang lebih sempurna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila masuk ke dalam. . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dalam Rang Undang-undang.

**Tuan yang di-Pertua:** . . . ucapan Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Perkembangan dan perbendaharaan kata yang cukup pesat seiring dengan perkembangan budaya dan teknologi bermakna lebih banyak isitilah dan perkataan mesti digubal ataupun direka ataupun diterima oleh pihak DBP. Di sini saya hendak mengulang sekali lagi apa yang saya sebutkan dalam beberapa tahun ini kerana seperti Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, dua tiga tahun ini dia kata kalau "graha" itu saya tidak terima "graha" kerana di dalam kamus yang terbaru pun tidak ada "graha". (*Disampuk*) Mesti tidak ada. Itu Sanskerta dan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat kata hendak hukum kerana menggunakan bahasa yang salah. Saya tanya dia sama ada dia hendak hukum bekas Ketua Menteri Melaka yang menggunakan "graha". Graha Makmur di dalam Majlis Perbandaran Melaka. "Graha Makmur"—pelajar-pelajar dan murid-murid tengok "graha" itu. Kita gunakan "graha" untuk bangunan, untuk wisma dan lain-lain. Yang

Berhormat dari Padang Terap mengatakan boleh kita kutipkan bahasa ini bila kita pergi ke Indonesia, ke Pakistan kita kutip bahasa Sanskerta, bahasa Urdu—kita bawa balik ke sini sebagai bahasa yang baru, perkataan yang baru. Kalau inilah dasar bahasa Ahli Yang Berhormat Padang Terap, kita boleh pergi ke lebih 150 buah negara, kita kumpulkan perbendaharaan perkataan itu, balik ke Malaysia beri kepada DBP untuk dijadikan perbendaharaan kata Malaysia. Itukah dasar Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap? Tetapi saya baca Rang Undang-undang bukan dasar. Ia hendak bakukan semua dan dengan satu badan yang tunggal berbuat demikian. Bukannya yang dibuat oleh Padang Terap ataupun oleh orang lain.

Pada mesyuarat yang lepas Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri menjawab soalan saya mengenai perbendaharaan kata yang direka oleh DBP. Beliau mengatakan kerana kita tidak ada perkataan itu kita boleh terima dengan begitu sahaja. Ini tidak boleh Tuan Yang di-Pertua, kerana ia bukan badan yang membakukan perkataan.

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Hulu Langat bangun..

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hulu Langat lagi?

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Kepong, adakah beliau sedar atau tidak bahawa sebenarnya dalam proses pengembangan bahasa, kita memang perlu peminjam. Terpaksa mengambil

bahasa-bahasa asing dan kita mantapkan. Kalaulah kita tidak meminjam sejak dahulu, saya percaya bahasa Melayu ini dulunya empat perkataan sahaja. Kalau kita tidak pinjam dahulu, sampai sekarang kita boleh bertutur. Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan kita yang ada hanya "api, padi, besi dan babi". (*Disampuk*) Sekarang "khinzir" dahulu "babi".

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada beberapa cadangan saya terima daripada dia. Tetapi mengenai perkara yang disebutkan tadi, memang tidak begitu tepat. Memang tidak begitu tepat. Kita ada satu badan tunggal yang mengesahkan sama ada perkataan ini boleh digunakan sebagai bahasa Malaysia. Satu badan sahaja. Bukan daripada Hulu Langat, daripada Padang Terap, daripada orang yang lain. Satu badan sahaja. Kalau DBP kata tidak boleh, kita tidak boleh. Mengapa kita dapat "graha". Tidak ada di dalam kamus.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusi Mesyuarat*)

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Padang Terap bangun.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Tuān Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi apabila menuduh saya mengkritiknya mengenai "graha", sebenarnya yang mula-mula memakai perkataan "graha" di dalam Dewan ini ialah beliau. Saya yang mengkritiknya apabila beliau membawa perkataan itu balik dari Jakarta selepas beliau pergi persidangan dengan saya. Saya kritik beliau, itu bukan bahasa Malaysia. Beliau marah saya, beliau kata

mengapa Tan Sri Rahim Tamby Chik gunakan perkataan itu di Melaka. Jadi itu asasnya masalah "graha" dalam Dewan ini.

Jadi, saya hendak soal kepada Yang Berhormat, balik kepada apa Yang Berhormat dari Hulu Langat kata tadi; adakah Yang Berhormat sedar bahawa bahasa itu bahasa moden, bahasa yang hidup. Bukan macam bahasa Latin, bahasa Greek iaitu bahasa kuno. Bahasa yang hidup, bahasa moden, bahasa yang akan menjadi bahasa commercial, dengan izin, bahasa yang akan menjadi bahasa akademik; perlulah bersifat terbuka dan dinamis. Jadi, kalau Yang Berhormat mula menggunakan perkataan "graha" di dalam Parlimen ini, disambung oleh Ahli-ahli lain, selepas itu disambut oleh akhbar dan oleh public, apa salah "graha" itu dimasukkan dalam perbendaharaan kata-kata bahasa Malaysia? Yang Berhormat tadi membebel banyak mengenai dengan bahasa Melayu, bahasa Indonesia dan juga membebel mengenai dengan kata-kata ini. Jadi, "membebel" itu adakah di dalam (*Ketawa*) "The Tower of Babel" di masa zaman Mesopotamia dulu? Bercakap sahaja. Jadi itulah respon saya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua. "Abu Jahal" Padang Terap pun ada. Itu pun ada. Tunggu sekejap. Saya tidak jawab lagi. Bahasa memang berkembang dan maju dan perbendaharaan kata memang bertambah dan yang baru kita mesti tinjau, kita mesti kaji, sama ada hendak diterima oleh DBP ataupun tidak. Tetapi jangan kita letak di dalam bangunan rasmi. Begitu juga dengan papan iklan, papan tanda. Entahlah, sudah tiga tahun saya bangkitkan di Dewan Undangan Negeri Selangor dan juga di sini.

Selepas plaza tol di Lebu Persekutuan. (*Disampuk*) "Lebu" itu maknanya jalan raya. Dalam kamus tengok!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap. Seminit sahaja. Saya beri dia. Tiga tahun saya bangkitkan "Persiaran" bukannya untuk jalan. Untuk menyiar, untuk perisytiharan, pengumuman, persiaran. Jadi, yang betul ialah "pe" dan di dalam Dewan Undangan Negeri Selangor di waktu itu ada Timbalan Menteri Besar kata di dalam Kamus Dewan "pe" itu betul. "P.E." sahaja. Bukan "per". Ada salah satu kamus "per" diterima—"persiaran". Tetapi kebanyakannya tidak terima "persiaran". Tetapi sampai sekarang kalau kita pergi ke Kelang, kita nampak "Persiaran Selangor, Persiaran Kayangan". Tidak diperbetul. Dan di sini juga, beberapa langkah dari sini ada satu papan tanda. Di sebelah kanan ada "Persiaran Sultan Salahuddin" dan di sebelah kirinya satu papan tertulis "Persiaran".

Saya ada sebutkan di sini sebagai "ambivalence".

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Padang Terap bangun lagi. Hendak beri jalan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat akan tanya kepada Yang

Berhormat Menteri nanti, di dalam prinsip pengambilan perbendaharaan kata-kata baru, bukanlah Dewan Bahasa saja duduk dalam bilik sejuk dan memikirkan kata-kata baru, tidak! Kata-kata baru itu datang daripada masyarakat itu sendiri—datang daripada masyarakat itu sendiri. Nanti sekejap, Tuan Yang di-Pertua! Misalannya, perkataan "ain' t" dalam bahasa Inggeris. Dulu tidak ada di dalam kamus Webster, sekarang ada, oleh sebab orang Amerika selalu pakai "ain' t". Yang sebenarnya, "isn' t". Jadi, sekarang ada oleh sebab dipakai oleh masyarakat. Kalau Yang Berhormat masih ingat dahulu, ada satu kritikan mengenai penggunaan "Timbalan Menteri". Sebenarnya, perkataan yang sebenar ialah "Penimbal Menteri", "Timbalan Menteri" salah. Tetapi oleh sebab digunakan secara meluas, sekarang masih lagi ada "Timbalan Menteri" dan digunakan secara umum dan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak boleh buat apa-apa. Jadi, Yang Berhormat jangan fikir bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bilik sejuk hanya memikirkan kata-kata baru, tidak! Prinsip kemasukan perbendaharaan kata-kata adalah berasaskan kepada penggunaan masyarakat itu, the popular use dengan izin. Jadi, Yang Berhormat, dia sebenarnya tidak tahu prinsip ini. Dia membebel sahaja, brek—orang Kedah kata brek kosong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu "Abu Jahal". (*Ketawa*).

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Ke 36(6). "Abu Jahal" ialah seorang yang jahat dalam sejarah Islam.

(*Ketawa*). Takkanlah saya kata macam itu, saya jahat. Yang Berhormat perlu tarik balik dan fikir ini Tumpat beri idea kepada dia ini. "Abu Jahal". (*Ketawa*) ini berdosa. (*Ketawa*)

**Timbalan yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya akan buat keputusan. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya tidak akan memaafkan dosa Tumpat yang beri kata "Abu Jahal", Apa salah saya bertengkar. "Abu Jahal" ialah orang yang hendak membunuh Nabi Muhammad.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik. Yang Berhormat Kepong, saya rasa yang disebutkan tadi itu walaupun secara halus tetapi saya rasa niatnya cukup jelas. Yang Berhormat, cuba jangan gunakan gelaran yang sedemikian untuk Ahli yang lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di Pertua, itu maknanya seorang yang suka menghalangi perbuatan orang lain sahaja. Itu ertinya. Padang Terap, dia memang suka terpesong. Dia terpesong.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Pokok Sena Yang Berhormat, nanti sekejap!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti sekejap. Pokok Sena bangun atas apa Yang Berhormat?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Point of order 36(6), sebab dia tidak tarik balik atas sahabat saya Padang

Terap, dia kata "Abu Jahal", kepada kita it is very sensitive, Minta dia tarik dulu..

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan tadi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Dia tidak tarik. Tuan Yang di-Pertua, tidak suruh dia tarik pun.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya menegah perkataan ataupun gelaran itu digunakan dengan seterusnya.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Sebab itu dalam *Hansard* kena catat dia tarik.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang Pokok Angsana dia berat kepala, sangat berat kepala. Saya tak tarik.

**Dato' Dr. Affifudin Bin Haji Omar:** Dia belum tarik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Padang Terap, saya sudah buat keputusan tadi. Saya menegah beliau.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tetapi menegah, tapi apa yang dia kata tadi adalah satu perbuatan yang salah. Dia perlu tarik balik dan ditegah mengikut 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baik yang Berhormat Kepong, tadi sudah tarik balik atau tidak? Kalau belum, Kalau belum, Yang Berhormat kena berbuat demikian.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata ini hanya bererti seorang yang suka menghalangi perbuatan orang lain sahaja. Itu ertinya. Itu dia salah faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, yang

saya minta itu, yang saya arahkan, bukan Yang Berhormat beri saya huraian. Saya hendak Yang Berhormat tarik balik gelaran tadi itu sepertimana yang diarahkan.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Petua (Tuan Ong Tee Keat):** Nanti dahulu Yang Berhormat, nanti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tunggu sekejap!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Satu demi satu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, tunggu sekejap. Kalau saya gunakan istilah itu, gelaran itu yang menyinggung hati dia, saya tarik balik. Tetapi maksud saya ialah orang yang suka menghalang perbuatan orang lain dan dia salahkan Tumpat pula. Tumpat tidak kena-mengena dengan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak kena-mengena dengan saya.

**Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, ada seorang peminat lagi ini. Hulu Langat bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, biar saya habiskan ini dulu. Dia membangkit soal penggunaan kata yang baru, itu tidak timbul. Kalau tidak rasmi, Padang Terap hendak menggunakan apa-apa perkataan pun boleh. "Schadenfreude" boleh dan

sebagainya, apa pun boleh, asalkan tak rasmi. Apabila kita menggunakan secara rasmi, dalam papan tanda yang boleh dilihat oleh pelajar-pelajar, murid-murid, kita buat perkataan yang betul. Sebab itulah saya bersetuju dengan beberapa pindaan di sini, yang hendak melaksanakan penggunaan bahasa yang betul dan penggunaan "Graha" itu tidak betul, ini rasmi! Kalau letak di rumah Padang Terap, itu lain kira, dia bukan rasmi.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, nanti sekejap ya. Pokok Sena bangun atas Peraturan Mesyuarat yang ke berapa Yang Berhormat?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** 35(1). Dia ini berucap macam dia pensyarah bahasa, dia tengok ke sini. Dia kena tengok kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tuan Yang di-Pertua tolong peringatkan dia. Dia bukan pensyarah bahasa. Dia dok bersyarah dekat kita ini—"Grahalah". Macam ini pencemar bahasa. (*Ketawa*). Saya hendak suruh Dewan Bahasa dan Pustaka tangkap dan hukum apa-apa ini—pencemar bahasa. (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Baiklah. Yang Berhormat Kepong, elok Yang Berhormat menghala ke Kerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang berbuat demikian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi pencemar bahasa itu, saya rasa itu tidak timbul Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak timbul, tak timbul. Memang tak timbul. Ini api di

dalam sekam sahaja. (*Ketawa*). Ya, Pokok Angsana, itu daunnya dan rantingnya mudah patah. Pokok Angsana ada ranting dia, patah begitu sahaja, sentiasa mengganggu bekalan elektrik, terkena dawai-dawai dan mengganggu bekalan elektrik—Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaksanaan bahasa yang betul, saya bersetujulah. Kita mesti mengambil tindakan terhadap penggunaan bahasa yang tidak betul untuk urusan rasmi. Untuk bukan rasmi, kita tidak boleh paksa orang. Tidak boleh kerana paksaan tak betul. Ini begitu juga dengan penggunaan bahasa di bidang-bidang yang tertentu termasuk kewangan—Padang Terap.

Menurut DBP, hanya 20% sahaja menggunakan BM di dalam urusan kewangan. Saya setujulah dengan cadangan jangan kita paksa orang, mungkin satu insentif seperti kekurangan cukai. Satu insentif seperti itu boleh digunakan untuk menggalakkan penggunaan bahasa di bidang kewangan, meningkatkan penggunaan. Ini salah satu cadangan saya iaitu insentif diberi di dalam bidang kewangan bagi sesiapa sahaja yang menggunakan Bahasa Malaysia (BM) untuk menguruskan tugasnya. Ini adalah salah satu cara untuk mempertingkatkan dan memartabatkan BM.

Saya mendapat tahu ada satu jawatankuasa kajian penggunaan bahasa, jawatankuasa ini perlulah membuat kajian baru yang menyeluruh untuk mendapat tahu tahap dan sikap penggunaan BM. Di semua bidang, termasuk kakitangan kerajaan guru-guru dan masyarakat awam serta mengenalpastikan kesalahan-kesalahan penggunaannya, kesalahan yang boleh mengganggu pemahaman.

Saya menyeru bahawa perkara ini perlu dibuat kerana beberapa tahun ini, saya tidak nampak laporan daripada jawatankuasa mengkaji penggunaan bahasa. Satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat untuk hal seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penggunaan bahasa ini saya tidak salahkan sesiapa, amalan dan tabiat-tabiat penggunaan bahasa di dalam pertuturan biasa memang kalau seorang Melayu berjumpa dengan seorang bukan Melayu, jika di bandar memang mereka cuba menggunakan bahasa Inggeris, ini satu amalan. Di antara Yang Berhormat dari Padang Terap dengan Yang Berhormat Kepong dia menggunakan bahasa Inggeris, lebih senang—biasa, itu tidak apa. Saya tidak mempertikaikan—bukan satu kesalahan. Dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru datang tadi (*kepada Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz*) pun bila kita bersua, memang kita bertutur di dalam bahasa Inggeris—itu satu kebiasaan, ini bukan kesalahan. Tetapi bagi orang biasa di bandar kerana orang Melayu ini dia hendak berlatih dalam bahasa Inggeris, walhal orang China kebanyakannya mereka hendak belajar Bahasa Malaysia. Jadi, macam mana kita boleh menyelesaikan masalah ini? Mungkin satu kajian boleh dibuat (*Ketawa*) macam mana kita boleh selesaikan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya dari Kepong. Semasa saya menjadi ahli backbencher dahulu, saya ada membangkitkan masalah ini dan saya memberi sebabnya ialah berlakunya satu, apa yang dipanggil "an acute syndrome of inferiority complex" di kalangan orang-orang Melayu ataupun orang-orang Cina. Adakah Yang Berhormat sedar

ataupun bersetuju dengan saya? Kalau kita bercakap bahasa Inggeris, pada hal kita boleh bertutur dalam Bahasa Malaysia dengan penuh sempurna, kita rasa 'a little bit up' macam saya cerita ini 'a little bit up'—tinggi sedikit. (*Ketawa*) Jadi, adakah Yang Berhormat setuju bahawa ini dipamerkan ke seluruh negara dalam drama-drama Melayu pada waktu petang, yang mana Erma Fatimah bercakap sekerat Bahasa Malaysia, sekerat bahasa Inggeris? Mungkin ia tidak membayangkan syndrome of inferiority complex pada Erma Fatima, mungkin kepada orang yang menulis skrip itu. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju kerana ini adalah satu penyakit di kalangan kita, yang menyebabkan kita tidak mahu memakai bahasa kita yang telah disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, adakah Yang Berhormat setuju, termasuk Yang Berhormat sendiri inferiority complex dan saya juga?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagiannya saya setuju, tetapi saya tidak ada inferiority complex dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Dia seorang doktor, Tuan yang di-Pertua, macam mana dia tahu, dia tidak ada inferiority complex. Inferiority complex ini diketahui oleh orang lain. Yang Berhormat sebagai seorang doktor, Yang Berhormat boleh diagnose penyakit Yang Berhormat sendirikah? (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu inferiority complex, tetapi amalan, tabiat manusia, sebab itu saya mencadangkan, kita buat

satu kajian macam mana kita boleh memperbaiki keadaan ini.

Tiap-tiap hari saya membaca *Utusan Malaysia*, walaupun *Utusan Malaysia* ini, salah satu Ahli Lembaga adalah Yang Berhormat dari Parit Sulong, tetapi berita saya, cerita saya kurang dimuatkan di dalam akhbar itu, bukan sahaja tidak dimuatkan atau kurang dimuatkan, bahkan juga menjelang pilihanraya atau ketika pilihanraya lebih dahsyat! Di putarbelitkan terhadap saya. . . .

**Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang Di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun..

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menjawab perkara itu. Sebenarnya saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, semalam Yang Berhormat mengatakan perkataan "tuntas" dan "rinci" tidak ada dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya hendak menyatakan kepada yang Berhormat, perkataan "tuntas" bererti lengkap, sempurna, menyeluruh atau meliputi segala-galanya. Perkataan ini terdapat dalam muka surat 677 Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1991. Perkataan ini terdapat dalam muka surat 764 Tesaurus Umum Bahasa Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1990; perkataan ini juga terkandung dalam muka surat 1412 Kamus Dewan Edisi baru terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1992.

Yang Berhormat adakah sedar atau tidak perkataan "rinci" bermakna, menghuraikan, menerangkan kepada peringkat yang sekecil-kecilnya.

Perkataan ini terdapat dalam muka surat 501 Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1991. Perkataan ini juga terdapat dalam muka surat 539 Kamus Am Bahasa Melayu terbitan Bingkisan Pujangga tahun 1961, juga terbitan di Malaysia. Perkataan ini terdapat dalam muka surat 967 Kamus Susunan Teuku Iskandar 1970 juga di Malaysia. Perkataan ini terdapat dalam muka surat 915 Kamus Lengkap terbitan Pustaka Zaman, Kuala Lumpur 1990; dan perkataan ini juga terdapat di muka surat 1065 Kamus Dewan Edisi Baru terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1992. Jadi mengapakah Yang Berhormat merendahkan 'tahana', (perkataan 'tahana' ini terkandung dalam Kamus Dewan Edisi Baru, muka surat 1262 membawa dua makna.) Yang Berhormat mengapakah yang Berhormat melakukan 'tahana' kepada diri Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan melakukan 'tahana' kepada diri saya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya yang berucap, tadi saya beri jalan dia beretorik. . . .

**Wan Hanafiah bin Wan Saman:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejap, saya hendak jawab dahulu. Ini edisi yang baru, kalau kita tengok Kamus Dewan Edisi tahun 1986 tidak ada di dalam. . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Hey! Tidurkah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada di dalam dan 'rinci' saya tidak sebutkan. Mengenai 'rinci', ha! Dia ini

menonjolkan sekarang. (*kepada Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad*) begitu gigih dia tengok kamus demi kamus dan bawa ke sini. . . . (*Ketawa*)

**Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad:**  
Bukan Yang Berhormat. . . .

**Dr. Tan Seng Giaw:** . . . . dengan kegigihan itu baik juga.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Yang Berhormat bolehkah minta penjelasan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau kita bertutur dengan bahasa Inggeris baru kita boleh maju, kita gigih dan rajin boleh maju.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kepong hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini satu sifat yang baik juga.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:**  
Saya memperkenalkan perkataan 'rinci' oleh kerana perkataan 'tuntas' dan 'rinci' ini saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Tidak ada gunanya disebut perkataan 'tuntas' bersendirian dan 'rinci' bersendirian melainkan digunakan selalunya 'tuntas' dan 'rinci'. Itu kelazimannya. Masalah perkataan Yang Berhormat menyebut semalam tidak ada dalam kamus. Jadi, saya mencari untuk memperbetulkan Yang Berhormat. Yang Berhormat harus berterima kasih kerana saya takut Yang Berhormat merendahkan

'tahana' diri Yang Berhormat. Kalau hendaklah erti 'tahana', carilah dalam kamus. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Parit yang Sulong ini menuntaskan idea dan fikiran. Tak Payah gunakan perkataan 'rinci' langsung, menuntaskan idea dan fikirannya . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Ahli dari Pokok Sena bangun lagi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan kita hendak tonjolkan di sini. Cuma saya petikkan itu kerana seperti juga perkataan 'agen' dan 'ejen'. Saya berharap dia tengok kamus itu 'agen' dan 'ejen' dan dia tahu ada bahasa Indonesia-Belanda juga.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada tengok? Ada? Boleh bacakan?

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, saya akui, saya kata kalau saya tersilap saya minta maaf. Saya akui. Saya tidak berkeras macam pihak DAP, salah pun kata betul. Inilah sikap orang yang merendahkan tahana dirinya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kepong, hendak beri jalan kepada Ahli dari Pokok Sena?

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Angsana, angsana!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok angsana ranting mudah patah. (*Ketawa*)

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Yang Berhormat Kepong, kawasan

saya Pokok Sena. Tetapi Yang Berhormat patut ingat Pokok Sena ini cukup kuat. Di tempat saya ada bas Langgar, Pokok Sena, Gajah Mati. (*Ketawa*) Pokok Sena itu kuat. Saya inginkan penjelasan daripada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata Yang Berhormat berucap tidak pernah masuk dalam *Utusan*. Kalau saya jadi wartawan, satu jam Yang Berhormat berucap, saya tidak tahu apa hendak tulis. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok angsana itu dia memang panas baran. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai sikap penggunaan bahasa, misalnya orang-orang asing yang datang ke negara kita dengan niat untuk belajar Bahasa Malaysia memang mereka merasa hampa apabila kita lebih suka menggunakan bahasa asing daripada bahasa sendiri. Inilah sikap penggunaan bahasa. Saya tidak menyalahkan sesiapa pun, bahkan tidak salah Parit yang Sulong menggunakan 36 perkataan Inggeris di dalam ucapan selama 14 minit. Dua kali ganda dia menggunakan bahasa itu. Ini bukan kesalahan tetapi amalan. Saya tidak salahkan dia. Saya pun tahu dia juga ada 'api dalam sekam' dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dia menunjukkan satu sifat yang betul juga. Bahasa Inggeris ataupun bahasa apa sahaja, bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Korea dan sebagainya tidak boleh membuat seseorang itu maju. Kita menggunakan bahasa untuk menimba ilmu tetapi untuk maju lebih berdasarkan kepada kerajinan, seperti dia rajin untuk menggunakan kamus tadi, itu memang baik, dedikasi, kreatif, inovatif dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri ketika merasmikan Kongres BM Sedunia, beliau menyeru pejuang-pejuang dan pencinta-pencinta bahasa supaya tidak mudah tunduk kepada desakan golongan liberal dan elitis yang meremehkan usaha mendaulatkan kedaulatan dan keutamaan BM. Kenyataan ini betul juga, jadi saya tidak mempertikaikan kenyataan seperti ini. Cuma saya hendak menekankan di sini, janganlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menggunakan perkataan secara rasmi terutamanya di dalam Ucapan Belanjawan. Saya pernah membangkitkan dua, tiga tahun yang lepas kerana 'mampan'. . . 'mampan' sudah masuk dalam kamus yang baru? Masuk dah sekarang? 'Mampanlah' dan banyak lagi perkataan dari Indonesia, dari Arab. Dia gunakan bahasa Arab tetapi di waktu itu belum lagi dimasukkan di dalam Kamus Dewan. Sebelum dimasukkan di dalam urusan rasmi, janganlah kita gunakan perkataan seperti itu kerana badan yang tunggal yang boleh menerima perkataan-perkataan ini ialah DBP dan bukannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dia mesti menunjukkan teladan. Konco dia. . . (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini masih lagi tidak faham dengan penerangan yang saya berikan tadi. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Bandau menyebut tentang penggalakan penggunaan bahasa-bahasa dialek lain di dalam Malaysia ini. Apa yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan kebanyakannya adalah bahasa dialek negara ini. Dia guna bahasa Iban sedikit, guna bahasa utara di Kedah sedikit, bukan dia guna bahasa Inggeris atau bahasa lain.

Apakah Yang Berhormat hendak menutup terus daripada usaha memperkayakan bahasa kita dengan menggunakan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Bandau tadi?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap itu betul juga kerana kita mesti benarkan secara tidak rasmi penggunaan bahasa-bahasa 'I' pun boleh guna, terutama sekali Ahli dari Parit yang Sulong suka gunakan 'I'. 'I' ini, 'I' itu. Saya tidak mempertikaikan, itu hak dia, bukan rasmi. Tetapi secara rasmi, bila kita membentangkan Ucapan Belanjawan, itu rasmi! Secara rasmi janganlah kita menggunakan perkataan yang belum lagi diterima. Itu sahaja hujah saya. Ini pun tidak masuk akal!

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Oleh itu saya hendak tanya Yang Berhormat, mengapa dahulu Yang Berhormat menggunakan perkataan 'graha' dalam ucapan di Dewan ini (*Ketawa*) yang menjadi masalah kepada kita. Yang Berhormat sendiri menjadikan masalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, waktu itu saya menyeru supaya pihak DBP mengambil tindakan untuk menukarkan 'graha' itu kepada istilah yang lain dan saya memberikan lebih daripada 20 perkataan mengenai bangunan yang diterima oleh DBP.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok *Hansard*, dia yang menggunakan perkataan 'graha'. Apabila saya membantah, dia mengatakan mengapa dia tidak boleh menggunakan pada hal Tan Sri Rahim Tamby Chik boleh. Itu dia kalau kita check dalam *Hansard*. Hari ini dia bercakap lain pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Walau bagaimanapun, saya tetap menyeru

pihak DBP, kalau tidak boleh terima perkataan 'graha', kita tukarkan 'graha' itu secara rasmi. Kalau hendak gunakan 'graha' di rumah Yang Berhormat dari Padang Terap sendiri, saya tak membantah. Boleh gunakan berapa perkataan, saya tak membantah, itu secara tidak rasmi, sebab kita menggalakkan untuk mempelbagaikan penggunaan bahasa dan istilah-istilah yang baru pun boleh digunakan, tetapi jangan secara rasmi. Kalau papan tanda, baik kita tukar papan tanda itu di sini sahaja. Banyak papan tanda lagi secara rasmi kita tukarkan kepada ejaan yang betul.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kepong, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab itu saya setuju juga dengan peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini. Saya hendak memperbetulkan keadaan ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat elok Tuan Yang di-Pertua berhentikan Kepong ini dari berucap sebab saya ada banyak lagi hendak berucap, dan dia selama ini tak ada kisah apa pun, cuma 'graha' sahaja. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, saya rasa itu bukan Peraturan Mesyuarat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan. . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi yang Berhormat dari Kepong, saya rasa sudah lama berucap, hampir satu jam.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya ada banyak perkara lagi, dia sengaja hendak kacau sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum 'Parit yang Sulong' mengacau saya, saya sebutkan mengenai *Utusan Melayu*. Walaupun kadangkala liptan mengenai saya pun tak begitu tepat, saya masih membaca tiap-tiap hari, sebab saya tidak ada inferiority complex. Saya diberitahu ada orang yang bila dia baca Jawi, dia dianggap sebagai anak kampung, tak terpelajar dan sebagainya. Saya tidak ada 'hang up' seperti itu. Cuma saya menyeru supaya sistem ejaan Jawi yang seragam mestilah diselaraskan. . .

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, tunggu sekejap, Sekejap sahaja, sebab saya hendak buat cadangan yang membina dan bernas. (*Ketawa*) Saya mencadangkan satu sistem ejaan Jawi diselaras dan diseragamkan dan sistem ejaan yang sama digunakan oleh semua pihak, sama ada DBP atau akhbar Jawi. Di sini kita mesti faham, walaupun 'Parit yang Sulong' di dalam akhbar dia kata dia sokong akhbar Jawi, tetapi usaha untuk meningkatkan bacaannya tak begitu berkesan. Mungkin dia sendiri tak menunjukkan teladan yang baik. Sebab daripada tahun-tahun 60-an, 70-an, waktu itu sampai 60,000 naskhah ataupun 70,000 naskhah satu hari, sekarang turun kepada 21,000 naskhah sahaja. Daripada 21,000 itu, saya merupakan salah seorang pembaca. Ini memang kita mesti selaras dan seragamkan, ejaan yang sama digunakan oleh semua pihak. Itu satu candangan sayalah.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**  
(*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Sipitang bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, Sipitang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak sangka doktor perubatan macam saya cakap fasal bahasa pun sampai satu jam. Tadi ada dibangkitkan beberapa perkara, saya ingat saya minta persetujuan. Beberapa cadangan Yang Berhormat dari Kepong tadi itu memang bagus; semua tanda-tanda atau sign board rasmi mesti di dalam Bahasa Malaysia. Saya ingin bertanya, apakah Yang Berhormat bersetuju semua papan tanda yang ada di Kuala Lumpur ini, yang ada unsur-unsur bahasa lain ditukar kepada Bahasa Malaysia yang betul, termasuk sign board bahasa Mandarin ataupun bahasa lain yang besar-besar ditukar kepada Bahasa Malaysia yang betul? Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua, kita mesti menggunakan bahasa baku di dalam semua bidang, terutamanya bidang urusan rasmi. Tetapi di dalam masyarakat berbilang kaum dan bahasa di Malaysia mestilah diberi kebebasan menganut dan mempraktikkan kebudayaan masing-masing, bahasa masing-masing. Kedudukan bahasa dan kebudayaan semua kaum tidak boleh dirosakkan. Siapa Yang Berhormat bercakap tadi—'Ligitan'?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sipitang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sipitang dan 'Ligitan'. Baik saya mencadangkan kepada Yang Berhormat, sambil hendak menegakkan bahasa baku dan tepat, beliau berusaha untuk menjaga

alam sekitar di kepulauannya, (*Ketawa*) sebab saya diberitahu ada orang hendak rosakkan alam sekitar di 'Ligitan'.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa Yang Berhormat sudah silap.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan, Tuan yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan tak ada. Itu memang. . .

**Seorang Ahli:** Sipitang bukan pulau lah, hoi!

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan!

**Dr. Tan Seng Giaw:** S.M.I Paper Mill!, S.M.I. Paper Mill!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu baik kita menumpukan perhatian kepada S.M. I. Paper Mill.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan penjelasan Yang Berhormat dari Kepong bercakap tentang bahasa Jawi alhamdulillah. Tetapi nak bercakap fasal Sabah, pernah pergi ke Sabahkah? Sipitang ada pulau? (*Ketawa*) katanya Wakil Rakyat dari Malaysia, tetapi ke Sabah pun tak pernah pergi, saya rasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan yang di-Pertua, saya pernah pergi ke Sabah tiga kali. (*Ketawa*) Sipitang dekat dengan Pulau Labuan. (*Ketawa*) Betul?

**Beberapa Ahli: Betul.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin macam mana tak tahu! Sipitang dekat Pulau Labuan. Dia tak pernah pergi ke Sabah. (*Ketawa*) Rompin tak pernah pergi, tetapi kita boleh maafkan dia kerana di Rompin juga pembalakan haram berlaku lagi. (*Ketawa*) Itu pun tak boleh jaga, nak jaga kawasan lain!

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah pelaksanaan BM masih tidak berjaya dengan sepenuhnya. Kita nampak buku teks, istilah dan kefasihan tenaga pengajar kelas tercapai ke tahap yang tertentu, dan buku rujukan masih sangat kurang. Ini bukan sahaja tugas DBP, kerana kita ada pusat terjemahan untuk mengambil alih tugas utama untuk menterjemahkan buku-buku dan sebagainya. Saya berharap langkah-langkah yang lebih sempurna dapat diambil untuk melaksanakan BM dengan Kelulusan rang undang-undang hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 26hb Ogos 1955, DBP dan Mc Graw Hill Book Co. menandatangani memorandum persefahaman bagi mengadakan penerbitan bersama yang melibatkan penerbitan buku terjemahan kayra asli dan adaptasi. Ini merupakan memorandum yang ke-15 bagi DBP dalam tempoh lima hari sebelum ditandatangani memorandum ini, antara institusi pengajian tinggi dan pusat penyelidikan luar negara dengan DBP. Saya setuju diadakan tandatangan memorandum seperti ini dan juga disusuli oleh tindakan yang sewajarnya, memang boleh memenuhi hasrat dan usaha DBP untuk meningkatkan industri penerbitan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini memang ada

peruntukan untuk hal yang seperti ini untuk kerjasama di antara DBP dengan badan-badan yang lain tetapi saya berpendapat sebelum DBP melakukan semua ini, memang yang lebih tepatnya kita luluskan Rang Undang-undang ini dahulu, kemudian kita laksanakan—lebih baik! Ini merupakan satu kelemahan sedikit dan saya dari masa ke semasa telah membangkitkan masalah kewangan, pengurusan dan prestasi DBP, bukan sekarang sahaja, beberapa tahun yang lalu, Padang Terap pun tahu.

Di dalam pengurusan kewangan, saya nampak ada kelemahan sedikit kerana baik kita buat satu laporan yang lengkap untuk menyatakan dalam satu dekat misalnya, banyak tajuk buku dikeluarkan oleh DBP, ada yang baik dan ada juga yang tak laris dijual dan sistem akaun (akauntabiliti) mestilah di pertingkatkan. Kalau kita ada satu laporan yang lengkap mengenai bidang penerbitan dan jualan buku-buku DBP, kita mungkin mengetahui kerugian yang ditanggung, memang saya tahu bukan sahaja DBP hendak untung tetapi sekurang-kurangnya pengurusan kewangan dapat dipertingkatkan. Ini cadangan sayalah dan kerjasama dengan syarikat seperti Mc Graw Hill memang baik kerana syarikat transnasional ini yang mempunyai pengalaman, kepakaran di dalam pasaran dan bahan maklumat serta mengundang penyertaan dalam semua aktiviti yang relevan, kalau dijalankan dengan betul mesti boleh membawa manfaat kepada DBP dan juga kepada industri penerbitan di negara ini.

Saya mencadangkan supaya di dalam kerjasama ini dan juga di bidang-bidang dan aktiviti yang lain, kita mesti ada kesinambungan dan kakitangan dilatih daripada kakitangan yang muda

lagi, dilatih untuk beberapa tahun, jangan kita tukar ke tempat yang lain kerana penerbitan ini adalah bidang yang khusus. Dengan adaya kesinambungan ini, kita boleh nampak prestasi yang lebih baik bagi DBP.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang hendak saya bincangkan di sini tanpa diganggu oleh rakan-rakan lain. Memang ada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyebutkan mengenai terdapat kekhuatiran bahawa matlamat murni menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa sains dan teknologi tidak tercapai dengan dasar baru kerajaan memberi laluan mudah kepada institusi pengajian tinggi (IPT) menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, dua bidang ilmu iaitu sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, satu keseimbangan mesti diadakan. Saya bersetuju dengan dasar lebih terbuka ini kerana dasar ini akan membolehkan rakyat Malaysia mendapat ilmu dan kepakaran teknologi dan sebagainya dengan lebih mudah. Tetapi apabila kita melaksanakan dasar baru ini, kita mesti mempertimbangkan dengan sebaik-baiknya langkah-langkah ini tidak akan menjejaskan Bahasa Malaysia.

Saya bersetuju ini bukan satu paradigma yang baru, cuma perubahan dasar sedikit, perubahan paradigma sahaja—bukan yang baru. Walau bagaimanapun, memang di dalam perkara seperti ini ada yang menyokong dan ada yang tidak menyokong. Saya menyokong dasar baru yang lebih liberal sedikit, ini cara untuk memajukan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai universiti atau kolej swasta, IPT swasta, saya berpendapat galakan mesti diadakan kerana secara swasta, IPT

memerlukan sambutan daripada pelajar-pelajar. Kursus-kursus yang diadakan memang berdasarkan kepada betapa minatnya golongan pelajar di dalam IPT swasta. Kalau kursus ini tidak disambut baik, memang mereka tidak akan adakan kursus seperti itu kerana ini swasta. Dalam galakan kita, bahawa mereka mesti ada penggunaan Bahasa Malaysia. Saya berpendapat, kalau kita menggunakan secara paksa tidak akan berjaya juga. Kita mesti menangani masalah ini dengan baik, mungkin sepertimana yang telah saya cadangkan tadi, insentif diberi kepada sektor kewangan dan sektor-sektor yang lain, yang belum lagi menggunakan Bahasa Malaysia. IPT swasta juga kita beri galakan insentif dan cukai adalah salah satunya insentif. Itulah mengenai IPT swasta ini walaupun saya ada banyak lagi perkara yang hendak dibangkitkan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai makmal bahasa. Saya diberitahu bahawa pihak kementerian hendak mengadakan makmal bahasa di semua sekolah terutama sekolah menengah untuk membolehkan pelajar-pelajar dan murid-murid menguasai bahasa, Bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa yang lain. Kalau ini boleh dilaksanakan dengan baik, akan mendatangkan manfaat kepada pelajar-pelajar Malaysia. Dalam melaksanakan makmal bahasa ini, adakah DBP terlibat dalam mengaturkan kaedah dan cara-cara untuk melaksanakan makmal bahasa ini dengan berkesan. Kalau itulah yang dibuat oleh pihak kementerian, adakah DBP mempunyai tenaga yang cukup untuk memberi bantuan kepada pihak kementerian yang hendak melaksanakan makmal bahasa diseluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja ucapan saya, untuk sama-sama kita

martabatkan dan mendaulatkan Bahasa Malaysia supaya penggunaannya dapat mencapai satu tahap yang lebih tinggi, lebih sempurna. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Tumpat.

6.10 ptg.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disentuh oleh wakil dari Kepong tadi, iaitu yang terakhir dalam masalah IPT di mana beliau mengalu-alukan pengumuman daripada Menteri Pendidikan bahawa mata pelajaran bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan akan diwajibkan. Jadi, persoalan yang timbul sekarang ini, apakah kita berasa cukup hanya setakat itu? Persoalannya sekarang, kita dapati sesuai dengan pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri tempoh hari bahawa untuk pengajian sains dan teknologi dibenarkan menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Inggeris, seperti yang telah dibangkitkan oleh salah seorang wakil tadi yang mengatakan perbincangan yang berlaku sekarang ini yang sudah diperbincangkan secara emosional, itu saya rasa satu tuduhan yang kurang manis.

-Persoalan yang saya rasakan perlu kita beri perhatian ialah bahawa IPT juga mengadakan kursus-kursus bukan sahaja sains dan teknologi, saya rasa ia juga mengadakan kursus-kursus lain misalnya undang-undang, ekonomi dan sebagainya. Jadi, bagaimana persoalan-persoalan jabatan-jabatan ini? Apakah mereka akan dikenakan syarat yang sama dengan yang dikenakan kepada kursus-kursus sains dan teknologi?

Kalau kita lihat dalam Dewan ini, kalau persoalan bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan tidak timbul masalah—beres, yang tidak beresnya diluar, barangkali. Sepatutnya isu-isu bahasa ini sudah lama diselesaikan. Mengapa menunggu begitu lama, sudah berapa tahun daripada tahun 1959—saya tidak tahu apakah sebabnya sekarang baru diberi perhatian oleh pihak kerajaan atau oleh pihak Menteri Pendidikan. Barangkali oleh kerana Menteri Pendidikan baru sekarang, mungkin dia ada wahana tertentu. Saya ucapkan syabas kepada Menteri Pendidikan sekarang ini.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Nanti dahulu Parit Sulong. Parit Sulong itu dia pengacau, dia semenjak balik dari Afrika Selatan ini dia kurang . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat jangan ulas, kalau Yang Berhormat tidak hendak beri, teruskan sahaja.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya boleh beri, tetapi dia bercakap itu biar betul dengan. . . . .

**Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad:** Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada sahabat saya. Dia mengatakan mengapa baru sekarang isu bahasa dibangkitkan. Adakah saudara sedar bahawa masalah bahasa adalah masalah yang unggul yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan. Telah lama kita memperjuangkan bahasa dan perkara yang dibawa hari ini adalah pindaan

untuk meliputi tugas Dewan Bahasa ke Sabah dan Sarawak sebagai satu perkara yang utama dan keduanya adalah membolehkan Dewan Bahasa meluaskan skop dan tugasnya. Bukan masalah bahasa tidak diberi perhatian oleh kerajaan. Jadi, saudara yang agak tersilap dalam hal ini walaupun saudara tidak pergi ke Afrika Selatan.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang ini mengapa baru sekarang mahu diperluaskan. Baru sekarang, dalam keadaan yang agak—macam ‘telur di hujung tanduk’—seolah-olah begitu. Menampakkan kepada umum begitu sebagaimana yang ditimbulkan oleh rakan saya dari Kepong. Apabila orang luar mahu datang ke sini, mahu mempelajari bahasa, dia rasa kecewa, dia terpaksa pergi ke Indonesia. Dia kata, duduk di sini membazirkan masa. 3 tahun dia berada di sini dia kata lebih baik 1 tahun berada di Indonesia—ini persoalannya. Inilah masalah Parit Sulong ini—dia kurang beres sedikit dalam pemikiran.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Saya tahu perkataan ini tidak termaktub dalam Standing Order, tetapi saya minta penjelasan, apa maksud ‘kurang beres’ dari segi pemikiran? Kita bercakap biar terang-terang. Kalau sebagai seorang yang berdiri di atas agama, apa ertinya kurang beres pemikiran, saya minta penjelasan sejelas-jelasnya.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Kurang beres yang saya maksudkan, dia mabuk laut. (*Ketawa*) Dia baru balik dari Afrika Selatan itu dia pening . . . .

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Agaknya Ahli dari Bachok yang mabuk laut, dari Kelantan dia naik kapal laut. Saya harap pihak PAS mempunyai pendirian dan kita cuba menghormati pendirian, tetapi di dalam Dewan yang mulia ini, kita ambillah perbincangan yang serius. Kepong, walaupun dia melelong-lelong, dia ada pendirian., kita hormat kepada dia, walaupun pendiriannya kadang-kadang berbeza dengan Ketua Pembangkang—tidak apalah. Tetapi pihak PAS ini apa ceritanya?

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, dia mabuk kapal terbang (*Ketawa*) Misalnya, saya beri contoh, kelmarin dia bercakap, dia hentam penggunaan bahasa baku, saya pun rasa hairan, sedangkan dia pada tahun lepas apabila masalah bahasa baku ditimbulkan dalam Dewan ini, dia pun bersetuju—berucap saya rasa hampir satu jam. Tetapi kalmarin dia hentam bahasa baku, inilah mabuk kapal terbang.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun lagi Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menghentam bahasa baku, saya bertanya tentang sebutan. Seharusnya ada suatu konsistensi, ada satu penyelarasan, saya tidak mengatakan mana pihak yang betul, mana pihak yang salah, kerana saya bukan pakar bahasa dan saya tidak boleh mengadili. Saya cuma meyuarkan hasrat suara rakyat biasa. Inilah dia—jadi, apa yang kata—hentam, hentam. Saya minta

sahabat saya dari Bachok jangan mabuk kapal laut dari Kelantan lagilah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tumpat, bukan Bachok.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tumpat, minta maaf.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Sudah empat tahu dia kenal saya—masih bertukar lagi, Tumpat dia sebut Bachok. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lagi, mendengar selepas ini, sebab saya pernah mendengar sungutan daripada Ketua Dewan Bahasa—mungkin dia ada di Dewan ini, dia kata dia pernah menerima surat dari UKM yang menghantar surat kepada dia dalam bahasa Inggeris. Universiti Kebangsaan Malaysia tulis surat ke Dewan Bahasa dalam bahasa Inggeris. Barangkali Dewan Bahasa jawab pun dalam bahasa Inggeris—itu saya tidak tahulah. Saya tidak mahu lagi mendengar carita-cerita seperti ini. Persoalan ini adalah persoalan dalam urusan rasmi dan sepatutnya kita tingkatkan dari satu masa ke satu masa. Begitu juga kalau kita lihat di TV3—saya pun tidak faham TV3 ini macam mana, walaupun nampaknya sudah kelihatan ada pembetulan, tetapi masih banyak lagi benda-benda, bukan masalah isu yang ditimbulkan kelmarin mengenai TV3, tetapi masalah seperti selepas warta berita ada 'business news,' dengan izin, dalam bahasa Inggeris—Apa! macam mana kepala otak TV3—saya tidak faham. Business News dalam bahasa Inggeris, Berita dalam bahasa Melayu, sedangkan yang mendengar TV3 saya rasa semua orang yang mengerti bahasa Melayu/Bahasa kebangsaan. Berilah peluang-peluang kepada orang yang tidak mengerti bahasa Melayu ini tahu apa "Business News" ini.

Ini satu masalah yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan oleh menteri yang saya hormati. Saya juga tidak mahu dengar lagi selepas daripada bil ini diluluskan, walaupun tidak secara paksa seperti mana yang dikatakan oleh Kepong, saya bersetuju hendaklah dilaksanakan secara beransur-ansur sebab banyak saya ketemu rakyat di dalam negara kita ini yang tidak fasih berbahasa Melayu. Macam dalam Dewan kita ini, ada juga orang Melayu yang bercakap Melayu tidak fasih. Ada juga bukan? Kita pun tidak tahu apa yang dicakapkan, itu pun boleh jadi Setiausaha Parlimen.

Saya rasa mesti ditingkatkan. Cuba 'test', ambil cermin dan letakkan di hadapan, sebut baik-baik. Baru boleh datang bercakap di sini.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yan bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua. Dia menjatuhkan imej Ahli-ahli Dewan Rakyat. (*Ketawa*) Yang Berhormat kita menjatuhkan imej Ahli-ahli Dewan Rakyat. Ini penting.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat bangun atas apa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang ke berapa?

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** 36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa ini tidak timbul, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Niat jahat, Tuan Yang di-Pertua. Dia sendiri pun 'tak fahe' cakap dia. *(Ketawa)* Macam mana 'ambo nak fahe'? *(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Ini pening juga. Pening kapal terbang agaknya. Dia peninglah. Tengok tadi dia bawa rakyat dia, dari kawasan dia, serupa semua ini.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Semporna bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Orang PAS dia ambil bawa sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Semporna bangun.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Afdal:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan sedikit. Terdahulu daripada ini tadi, Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kalau berdasarkan melihat di Dewan ini, beliau selesa bahawa Bahasa Malaysia itu ke tahap yang boleh diterima tetapi baru tadi, beliau telah mempersoalkan tentang ada sesetengah Setiausaha Parlimen yang tidak begitu fasih di dalam menggunakan Bahasa Malaysia. Maknanya tidak ada 'consistency' dari segi apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat ini. Adakah beliau yakin bahawa tahap yang disampaikan oleh para Ahli Dewan Rakyat pada hari ini mencapai ke tahap yang sudah kita rasa baik ataupun perlu dipertingkatkan lagi? Saya ingin sedikit penjelasan.

Mengenai dengan Yang Berhormat tadi menyatakan tentang TV3—penggunaan bahasa orang putih. Kita faham bahawa bukan keseluruhannya

rancangan yang disiarkan oleh TV3 berbentuk bahasa orang putih. Sesetengahnya seperti dalam Business News dan rancangan-rancangan tertentu kita siarkan dalam bahasa Inggeris semata-mata oleh kerana kemungkinan ada setengah pendengar dan penonton itu yang rasa perlu kita beri penjelasan menggunakan bahasa Inggeris dan pada keseluruhannya bahasa di TV saluran lain, kita gunakan Bahasa Melayu juga.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya maksudkan bahawa dalam membincangkan bil ini, nampaknya semua tidak ada yang menentang. Semuanya sokong, mahupun pembangkang atau DAP pun. Saya tidak sangka DAP sokong. *(Ketawa)*.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kepong, taruh sama dia. *(Ketawa)*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Dia boleh sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Yan, jangan mencelah macam itu.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, ada juga kita dapati, saya tidak tahu bagaimana, ini secara kebetulan, saya rasa ramai lagi rakyat di negara kita ini yang tidak boleh berbahasa Melayu. Ini saya ketemu dan saya minta pihak Dewan Bahasa dan Pustaka cuba buat kajian apakah betul apa yang saya cakapkan ini. Tetapi saya ketemu ketika di luar negeri, kita tanya dan bercakap Melayu, dia tidak faham. Kita tanya dia dari mana, dia kata dari Malaysia. Kita rasa pelik. Ini juga persoalan-persoalan yang telah berlaku di hadapan mata kepala kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya kelmarin, Yang Berhormat dari Marang dan saya ingin mengulangi apa yang disebut oleh beliau di mana Ibnu Khaldun dalam bukunya 'Mukadimah' pernah menyatakan bahawa, "Sesungguhnya orang yang dijajah sentiasa terpengaruh oleh penjajah khususnya pada lambangnya, pakaiannya agamanya, seluruh keadaannya termasuklah adat resam dan bahasanya kerana dirinya mempercayai bahawa kesempurnaan itu berada pada penjajah kolonialis lalu ia terikut-ikut". Semoga kita tidak akan termasuk ke dalam golongan itu.

Saya mengalu-alukan dan menyokong Akta yang sedang dibentangkan kepada kita sekarang ini untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 dan untuk memperluaskan Akta tersebut sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Sepatutnya sebagaimana yang saya katakan, Akta ini sudah lama dibincang. Kita tidak akan tertunggutunggu sehinggalah sampai sekarang ini baru kita mahu membentangkan Akta atau Bil ini.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

**-Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Tumpat seolah-olah cakap macam tidak setuju bahawa Kepong sokong Rang Undang-undang ini. Sekejap ini pula, Yang Berhormat sebut Yang terhormat sokong. Jadi, yang mana satu ini? Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** 'Tak fahe! (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa dia faham tetapi sahaja dia buat-buat tidak faham. Perasaan sayalah, sebenarnya saya rasa DAP tidak akan sokong itu dan saya sokong Akta ini tetapi sekarang Alhamdulillah DAP sokong dan kita semua sokong, tidak ada sebablah untuk Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mahu harga sedikit.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Yan Bangun.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Penjelasan. Saya minta Yang Berhormat, Yang Berhormat kata macam ini (*Sambil menunjukkan aksi*) apa dia? (*Ketawa*) Jadi, saya tidak faham. Ini kita bercakap tentang bahasa, Yang Berhormat. Saya bukan minta setakat Sabah dan Sarawak. Saya mencadangkan kalau boleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini terus menceburkan diri di Cape Town, South Africa itu. (*Ketawa*) Kerana di sana banyak adik-beradik kita orang Melayu. Itu bukan setakat di Sabah dan Sarawak sahaja. Tetapi yang ini saya 'tak fahe'—apa makna dia? (*Ketawa*) 'Nak fahe ke?' 'Ini apa ke he ni?' (*Ketawa*)

**Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood:** Saya rasa dia faham, Tuan Yang di-Pertua, sahaja-sahaja dia buat tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Tumpat, masa sudah suntuk Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Tumbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Te Keat):** Kepong, nanti sekejap. Masa sudah suntuk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Tumpat diminta sambung esok.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz):** Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### Isu Pemberian Saham Khas Bumi Kepada Individu Dan Kriterianya.

6.30 ptg.

**Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang isu pemberian saham khas bumi kepada individu dan kriterianya dan mengapakah ketelusan tidak boleh diamalkan dengan memberikan nama penuh individu yang mendapat saham-saham sejak skim peruntukan saham khas bumi diluluskan kepada individu? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, kementerian diminta jawab.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tak ada jawapan? (*Ketawa*)

6.32 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein):** Hendak jawab apa, Tuan Yang di-Pertua, dia tak berucap pun mengenai isu ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Teks ucapan telah diberikan kepada Yang Berhormat mengikut Standing Order.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Mengenai soalan yang diketengahkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kriteria mengenai pembahagian saham bumiputera yang dibuat oleh MITI telah pun dinyatakan berulang-ulang kali di Dewan yang mulia ini dan sekiranya Yang Berhormat begitu berminat untuk mengetahui apa dia kriteria berkenaan, maka Yang Berhormat bolehlah menyemak kriteria-kriteria tersebut di dalam jawapan-jawapan kepada soalan yang berkaitan sebelum ini.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Libaran bangun.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Point of order. Saya hendak memaklumkan kepada Tuan yang di-Pertua, tak cukup kuorum, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Setiausaha, tolong bilang.

(*Ahli-ahli dikira: 15 ahli hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** 15 orang, sila bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

(*Ahli-ahli dikira: kurang 26 ahli hadir*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Tetapi 15 orang. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kekurangan kuorum, saya terpaksa

menangguhkan Majlis Mesyuarat ini hingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.*